

## MEMACU PERTUMBUHAN LESTARI

PENYATA KEWANGAN 2019

# PENYATA KEWANGAN



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

MENGENAI PENYATA KEWANGAN

PERBADANAN JOHOR

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

## Sijil Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 10 hingga 196, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995).

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksana berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Johor dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Sijil Ketua Audit Negara	1
Laporan Para Pengarah	5
Penyata Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation (Akaun Kumpulan)	8
Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Johor Corporation	9
Penyata Pendapatan Komprehensif	10
Penyata Kedudukan Kewangan	12
Penyata Perubahan Ekuiti	14
Penyata Aliran Tunai	17
Nota-nota kepada Penyata Kewangan	20
Senarai Syarikat-syarikat Anak, Syarikat-syarikat Bersekutu dan Syarikat-syarikat Usahasama	173

## Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Perbadanan Johor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penelitian kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Johor dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesahkan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan pernyataan kewangan ini.


Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesahkan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
  - b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanannya kawalan dalaman Perbadanan Johor dan Kumpulan.
  - c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan celi Lembaga Pengarah.
  - d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Johor atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
  - e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
  - f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.
- ### Laporan Mengenai Keperluan Perundungan dan Peraturan Lain
- Berdasarkan keperluan Enakmen Johor Corporation (Bil. 4 Tahun 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5 Tahun 1995), saya juga melaporkan perkara berikut:
- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Enakmen untuk disimpan oleh Perbadanan Johor dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Enakmen.

- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 19 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Johor dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Sijil Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau permerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan.

#### Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

  
**(DATO' NIK AZMAN BIN NIK ABDUL MAJID)**  
 KETUA AUDIT NEGARA  
 MALAYSIA

PUTRAJAYA  
 08 APRIL 2020



## LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan beserta dengan Penyata Kewangan beraudit Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

#### KEGIATAN UTAMA

Johor Corporation telah diperbadankan di bawah Enakmen Johor Corporation Bil. 4, 1968, (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995) sebagai agensi pembangunan dan perusahaan awam. Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan harta tanah, dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terutamanya terdiri daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan kesihatan pakar (prisihatian), pembangunan dan pengurusan harta tanah, intrapreneur venture, restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

#### KEPUTUSAN KEWANGAN

	Johor Kumpulan RM Juta	Corporation RM Juta
Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai	295	164
Kerugian daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	(7)	-
Keuntungan bersih selepas cukai	288	164
Keuntungan dikaitkan kepada:		
Miliki Johor Corporation	101	164
Kepentingan bukan kawalan	187	-
	288	164

#### RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan material kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain dari yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan ini.

## LAPORAN PARA PENGARAH

## LEMBAGA PENGARAH

Ahli Lembaga Pengarah yang memegang jawatan sepanjang tahun kewangan dan dalam tempoh dari akhir tahun kewangan hingga tarikh laporan ini adalah:

YAB Datuk Ir Haji Hasni Bin Haji Mohammad	(Dilantik menjadi Pengurus pada 1 Mac 2020)
YAB Dato' Dr Sahruddin Bin Haji Jamal	(Dilantik pada 14 April 2019, bersara pada 1 Mac 2020)
YAB Dato' Haji Osman Bin Haji Sapian	(Bersara pada 13 April 2019)
YBhg Tan Sri Dr Ismail Bin Haji Bakar	(Bersara pada 31 Disember 2019)
YBhg Tan Sri Dr Ali Bin Hamsa	(Bersara pada 30 September 2019)
YBhg Datuk Syed Mohamed Bin Syed Ibrahim	(Dilantik menjadi Presiden & Ketua Eksekutif pada 9 Januari 2020)
YB Dato' Kamaruzzaman Bin Abu Kassim	(Bersara pada 31 Disember 2019)
YBhg Datuk Nor Azri Bin Zulfakar	(Dilantik pada 8 Mac 2020)
YB Dato' Haji Azmi Bin Rohani	(Dilantik pada 1 Januari 2020)
YBhg Tuan Amir Bin Nasruddin	(Bersara pada 31 Disember 2019)
YB Dato' Ishak Bin Sahari	(Bersara pada 14 November 2019)
YB Dato' Haji A. Rahim Bin Haji Nin	(Dilantik pada 1 Oktober 2019)
YBhg Datuk Siti Zauyah Binti Md Desa	(Bersara pada 8 Mac 2020)
YBhg Dato' Azman Bin Mahmud	(Bersara pada 8 Mac 2020)
YBhg Dato' Saiful Anuar Bin Lebai Hussen	(Bersara pada 31 Januari 2020)
YBhg Datuk Dr Hafsa Binti Hashim	(Dilantik pada 8 Mac 2020)
YBhg Datuk Ibrahim Bin Ahmad	(Bersara pada 8 Mac 2020)
YBhg Datuk Dr Shahruddin Bin Md Salleh	(Dilantik pada 8 Mac 2020)
YBhg Dato' Sr. Hisham Bin Jafrey	(Dilantik pada 8 Mac 2020)

## IMBUHAN PENGARAH

Maklumat mengenai imbuhan para Pengarah dinyatakan dalam Nota 10 kepada penyata kewangan.

## MAKLUMAT LAIN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

- (a) Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah:
  - (i) untuk memastikan tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang ragu; dan
  - (ii) untuk memastikan bahawa segala aset semasa, yang tidak mungkin diperolehi nilainya dalam urusan biasa perniagaan, termasuk nilai aset semasa seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation telah dikurangkan nilainya kepada satu amaun yang dijangka boleh diperolehi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan:
  - (i) yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskira, atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation tidak mencukupi sehingga tahap yang ketara; atau
  - (ii) yang boleh menyebabkan nilai bagi aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan; atau
  - (iii) yang telah timbul dan akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian sedia ada ke atas aset atau liabiliti Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan atau tidak sesuai.

## MAKLUMAT LAIN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan ini adalah:
  - (i) sebarang gadaian ke atas aset-aset Kumpulan atau Johor Corporation, yang telah timbul semenjak akhir tahun kewangan sebagai sandaran kepada liabiliti pihak lain; atau
  - (ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan atau Johor Corporation, yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (d) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
  - (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas dari tarikh akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan atau Johor Corporation untuk memenuhi segala tanggungjawabnya apabila tiba masanya; dan
  - (ii) dalam tempoh antara akhir tahun dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang material dan luar biasa yang mungkin menjelaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.
- (e) Pada pendapat para Pengarah:
  - (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas dari tarikh akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan atau Johor Corporation untuk memenuhi segala tanggungjawabnya apabila tiba masanya; dan
  - (ii) dalam tempoh antara akhir tahun dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang material dan luar biasa yang mungkin menjelaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:

**DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD**  
**Pengerusi**

**DATUK SYED MOHAMED BIN SYED IBRAHIM**  
**Presiden & Ketua Eksekutif**

Johor Bahru

08 April 2020

## LAPORAN PARA PENGARAH

## PENYATA PENGERUSI

Dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation

Kami, Datuk Ir. Haji Hasni Bin Haji Mohammad dan Datuk Syed Mohamed Bin Syed Ibrahim, yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation masing-masing, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:

**DATUK IR. HAJI HASNI BIN HAJI MOHAMMAD**

Pengerusi

**DATUK SYED MOHAMED BIN SYED IBRAHIM**

Presiden & Ketua Eksekutif

Johor Bahru

08 April 2020

## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA

Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Johor Corporation

Saya, Aziah Binti Ahmad, No. Keahlian MIA 9915, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya mengikuti sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar, dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya  
diakui oleh penama di atas  
di Johor Bahru pada 08 April 2020

Dihadapan saya,



Pesuruhjaya sumpah

P.O. BOX 112, Lot K1 & K2 Podium 2  
Menara Ansar 85,Jalan Trus  
80000 Johor Bahru  
Johor

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	Kumpulan		Johor Corporation	
		2019	2018 Dinyatakan semula	2019	2018 Dinyatakan semula
<b>Operasi berterusan</b>					
Hasil	4	<b>6,007</b>	5,657	<b>566</b>	460
Kos jualan		(4,217)	(3,967)	(155)	(194)
Keuntungan kasar		<b>1,790</b>	1,690	<b>411</b>	266
<b>Lain-lain item pendapatan</b>					
Lain-lain pendapatan	5	<b>381</b>	376	<b>112</b>	370
<b>Lain-lain item perbelanjaan</b>					
Perbelanjaan pengedaran		(43)	(54)	(1)	(1)
Perbelanjaan pentadbiran		(1,220)	(1,144)	(155)	(136)
Lain-lain perbelanjaan	6	<b>(178)</b>	(147)	<b>(68)</b>	(194)
Kos kewangan	7	<b>(470)</b>	(451)	<b>(137)</b>	(152)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu, bersih selepas cukai		<b>27</b>	27	-	-
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usahasama, bersih selepas cukai		<b>97</b>	91	-	-
<b>Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan</b>					
Cukai	8	<b>384</b>	388	<b>162</b>	153
<b>Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai</b>	11	<b>(89)</b>	(172)	<b>2</b>	6
		<b>295</b>	216	<b>164</b>	159
<b>Operasi yang dihentikan</b>					
Kerugian daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	12	(7)	(4)	-	-
<b>Keuntungan bersih selepas cukai</b>		<b>288</b>	212	<b>164</b>	159

	Kumpulan		Johor Corporation	
	2019	2018 Dinyatakan semula	2019	2018 Dinyatakan semula
<b>Lain-lain pendapatan komprehensif, diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya:</b>				
Pertukaran mata wang asing dari operasi asing	<b>5</b>	46	-	-
<b>Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif, tidak diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya:</b>				
Pelarasan nilai saksama untuk aset kewangan pada FVOCI	(4)	(199)	-	-
Pelarasan nilai saksama untuk aset kewangan pada FVOCI berkaitan pelupusan syarikat anak	<b>99</b>	-	-	-
Lebihan bersih daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan	<b>42</b>	89	-	-
Lebihan daripada pindahan harta, loji dan kelengkapan kepada hartanah pelaburan	<b>5</b>	-	-	-
Pelupusan harta, loji dan kelengkapan	(6)	-	-	-
<b>Lain-lain pendapatan/(kerugian) komprehensif tahun kewangan semasa, bersih selepas cukai</b>	<b>141</b>	(64)	-	-
<b>Jumlah pendapatan komprehensif tahun kewangan semasa</b>	<b>429</b>	148	<b>164</b>	159
<b>Keuntungan dikaitkan kepada:</b>				
Milikan Johor Corporation	<b>101</b>	62	<b>164</b>	159
Kepentingan bukan kawalan	<b>187</b>	150	-	-
	<b>288</b>	212	<b>164</b>	159
<b>Jumlah pendapatan komprehensif dikaitkan kepada:</b>				
Milikan Johor Corporation	<b>217</b>	(99)	<b>164</b>	159
Kepentingan bukan kawalan	<b>212</b>	247	-	-
	<b>429</b>	148	<b>164</b>	159

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2019

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	Kumpulan			Johor Corporation				Kumpulan			Johor Corporation		
		31.12.2019	31.12.2018	01.01.2018	31.12.2019	31.12.2018	01.01.2018		31.12.2019	31.12.2018	01.01.2018	31.12.2019	31.12.2018	01.01.2018
		Dinyatakan semula	Dinyatakan semula			Dinyatakan semula	Dinyatakan semula			Dinyatakan semula	Dinyatakan semula			
<b>ASET</b>														
<b>Aset bukan semasa</b>														
Harta, loji dan kelengkapan	13	<b>8,928</b>	10,601	10,569	<b>352</b>	597	529							
Hak penggunaan aset	14	<b>2,079</b>	-	-	<b>253</b>	-	-							
Inventori	15	<b>493</b>	737	759	<b>34</b>	261	365							
Hartanah pelaburan	16	<b>4,704</b>	4,265	3,549	<b>1,982</b>	1,875	1,499							
Aset biologi	17	-	2	1	-	-	-							
Aset tidak zahir	18	<b>251</b>	252	250	-	-	-							
Pelaburan dalam syarikat-syarikat anak	19	-	-	-	<b>3,378</b>	3,151	3,327							
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	20	<b>300</b>	282	268	<b>4</b>	4	4							
Pelaburan dalam syarikat-syarikat usahasama	21	<b>1,760</b>	1,701	1,583	-	-	-							
Aset cukai tertunda	22	<b>210</b>	171	170	<b>148</b>	118	82							
Aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Lain-lain Pendapatan Komprehensif ("FVOCI")	23(a)	<b>28</b>	20	215	-	-	-							
Aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi ("FVTPL")	23(b)	<b>2</b>	-	-	-	-	-							
Penghutang perdagangan dan lain-lain	25	<b>40</b>	23	65	-	-	-							
		<b>18,795</b>	18,054	17,429	<b>6,151</b>	6,006	5,806							
<b>Aset semasa</b>														
Inventori	15	<b>1,592</b>	1,314	1,346	<b>900</b>	665	707							
Aset biologi	17	<b>29</b>	21	31	-	-	-							
Kos kontrak	24	<b>7</b>	2	4	-	-	-							
Penghutang perdagangan dan lain-lain	25	<b>1,017</b>	1,078	1,194	<b>159</b>	290	143							
Aset kontrak	26	<b>134</b>	129	61	<b>39</b>	76	-							
Aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi ("FVTPL")	23(b)	<b>5</b>	4	5	<b>21</b>	20	56							
Cukai boleh diperolehi kembali		<b>118</b>	83	68	<b>1</b>	4	4							
Baki tunai dan bank	28	<b>1,136</b>	1,239	877	<b>116</b>	119	30							
		<b>4,038</b>	3,870	3,586	<b>1,236</b>	1,174	940							
Pelupusan aset kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	29	<b>448</b>	790	795	<b>183</b>	245	317							
		<b>4,486</b>	4,660	4,381	<b>1,419</b>	1,419	1,257							
<b>Jumlah aset</b>		<b>23,281</b>	22,714	21,810	<b>7,570</b>	7,425	7,063							

	Nota	Kumpulan			Johor Corporation				Kumpulan			Johor Corporation		
		31.12.2019	31.12.2018	01.01.2018	31.12.2019	31.12.2018	01.01.2018		31.12.2019	31.12.2018	01.01.2018	31.12.2019	31.12.2018	01.01.2018
		Dinyatakan semula	Dinyatakan semula			Dinyatakan semula	Dinyatakan semula			Dinyatakan semula	Dinyatakan semula			
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>														
<b>Liabiliti semasa</b>														
Liabiliti cukai semasa									<b>35</b>	34	63	-	-	-
Liabiliti pajakan	30				<b>47</b>					-	-	<b>6</b>	-	-
Pembiayaan dan pinjaman	31				<b>2,123</b>				2,635	2,307	<b>3</b>	807	11	
Pemutang perdagangan dan lain-lain	32				<b>2,119</b>				1,788	2,022	<b>1,164</b>	391	1,058	
Liabiliti kontrak	26				<b>95</b>				78	20	<b>12</b>	-	-	
Derivatif instrumen kewangan	27				<b>3</b>				2	2	-	-	-	
									<b>4,422</b>	4,537	4,414	<b>1,185</b>	1,198	1,069
Liabiliti berkaitan langsung dengan pelupusan kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	29								-	180	203	-	-	-
									<b>4,422</b>	4,717	4,617	<b>1,185</b>	1,198	1,069
<b>Jumlah aset/(liabiliti) semasa bersih</b>					<b>64</b>				(57)	(236)	<b>234</b>	221	188	
<b>Liabiliti bukan semasa</b>														
Pemutang perdagangan dan lain-lain	32				<b>442</b>				439	271	<b>1,067</b>	1,100	378	
Lain-lain liabiliti jangka panjang	33				<b>1,227</b>				1,235	1,056	<b>958</b>	934	783	
Liabiliti cukai tertunda	22				<b>789</b>				808	772	<b>266</b>	241	211	
Pembiayaan dan pinjaman	31				<b>7,272</b>				6,642	6,387	<b>1,789</b>	1,808	2,609	
Liabiliti pajakan	30				<b>81</b>				-	-	<b>16</b>	-	-	
									<b>9,811</b>	9,124	8,486	<b>4,096</b>	4,083	3,981
<b>Jumlah liabiliti</b>									<b>14,233</b>	13,841	13,103	<b>5,281</b>	5,281	5,050
<b>Jumlah aset bersih</b>									<b>9,048</b>	8,873	8,707	<b>2,289</b>	2,144	2,013
<b>Ekuiti</b>														
Rizab modal	34(a)				<b>391</b>				392	392	<b>55</b>	55	55	
Rizab pen														

	Rizab modal	Rizab penilaian semula aset	Rizab turun naik mata wang	Rizab FVOCI	Rizab hasil	Jumlah kawalan	Kepentingan bukan kawalan	Jumlah ekuiti
Pada 1 Januari 2019 (seperti dinyatakan sebelumnya)	392	149	(66)	(95)	6,253	6,633	2,427	9,060
Pelarasan tahun terdahulu	43	-	-	-	(187)	(187)	-	(187)
Pada 1 Januari 2019 (dinyatakan semula)	392	149	(66)	(95)	6,066	6,446	2,427	8,873
Kesan MFRS 16	-	-	-	-	(1)	(1)	-	(1)
Baki selepas pelarasan pada 1 Januari 2019	392	149	(66)	(95)	6,065	6,445	2,427	8,872
Keuntungan bersih selepas cukai	-	-	-	-	101	101	187	288
<b>Lain-lain pendapatan komprehensif</b>								
Lebihan dari penilaian semula harta, loji dan kelengkapan	13	-	7	-	-	7	35	42
Lebihan dari pindahan harta, loji dan kelengkapan ke hartalah pelaburan	16	-	5	-	-	5	-	5
Pelupusan harta, loji dan kelengkapan	-	-	(2)	-	-	(2)	(4)	(6)
Pelarasan nilai saksama bagi asset kewangan pada FVOCI	23(a)	-	-	(4)	-	(4)	-	(4)
Pelarasan nilai saksama bagi asset kewangan atas pelupusan syarikat anak	-	-	-	-	99	99	-	99
Pertukaran mata wang asing bagi operasi asing	-	-	11	-	-	11	(6)	5
Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa	-	10	11	(4)	99	116	25	141
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa	-	10	11	(4)	200	217	212	429
<b>Transaksi dengan pemilik</b>								
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	-	-	(119)	(119)
Pelupusan syarikat anak	(1)	-	64	-	(181)	(118)	(1)	(119)
Tambahan kepentingan dalam syarikat anak	-	-	-	-	(6)	(6)	8	2
Pengurangan kepentingan dalam syarikat anak	-	-	-	-	(2)	(2)	3	1
Agihan kepada Kerajaan Negeri	-	-	-	-	(18)	(18)	-	(18)
<b>Baki akhir pada 31 Disember 2019</b>	391	159	9	(99)	6,058	6,518	2,530	9,048

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

**Pada 1 Januari 2019 (seperti dinyatakan sebelumnya)****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu****Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)****Kesan MFRS 9****Baki akhir pada 31 Disember 2018****Pada 1 Januari 2018****Pelarasan tahun terdahulu**

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

Johor Corporation	Nota	Rizab modal	Rizab penilaian semula aset	Rizab hasil	Jumlah ekuiti
Pada 1 Januari 2019 (seperti dinyatakan sebelumnya)		55	-	2,223	2,278
Pelarasan tahun terdahulu	43	-	-	(134)	(134)
Pada 1 Januari 2019 (dinyatakan semula)		55	-	2,089	2,144
Kesan MFRS 16	44	-	-	(1)	(1)
Baki selepas pelarasan pada 1 Januari 2019		55	-	2,088	2,143
Keuntungan bersih selepas cukai		-	-	164	164
Agihan kepada Kerajaan Negeri		-	-	(18)	(18)
<b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan</b>		<b>55</b>	-	<b>2,234</b>	<b>2,289</b>
<b>Baki akhir pada 31 Disember 2019</b>		<b>55</b>	-	<b>2,234</b>	<b>2,289</b>

	Nota	Rizab modal	Rizab penilaian semula aset	Rizab hasil	Jumlah ekuiti
Pada 1 Januari 2018 (seperti dinyatakan sebelumnya)		55	118	1,814	1,987
Pelarasan tahun terdahulu	43	-	-	(120)	(120)
Kesan MFRS		-	(118)	264	146
Pada 1 Januari 2018 (dinyatakan semula)		55	-	1,958	2,013
Kesan MFRS 9		-	-	(28)	(28)
Baki selepas pelarasan pada 1 Januari 2018		55	-	1,930	1,985
Keuntungan bersih selepas cukai		-	-	159	159
<b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan</b>		<b>55</b>	-	<b>2,089</b>	<b>2,144</b>
<b>Baki akhir pada 31 Disember 2018</b>		<b>55</b>	-	<b>2,089</b>	<b>2,144</b>

## PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Kumpulan 2019	Johor Corporation 2018	Johor Corporation 2019	Johor Corporation 2018
	Dinyatakan semula	Dinyatakan semula	2019	Dinyatakan semula
<b>KEGIATAN OPERASI</b>				
Keuntungan sebelum cukai:				
Operasi berterusan	384	388	162	153
Operasi dihentikan	(8)	(5)	-	-
Pelarasan-pelarasan:				
Harta, loji dan kelengkapan:				
Keuntungan bersih atas pelupusan	(10)	(31)	-	-
Hapuskira	4	1	-	-
Susutnilai	391	426	6	23
Kerugian rosotnilai	10	29	2	-
Hak penggunaan aset:				
Susutnilai	70	-	22	-
Hartahan pelaburan:				
Perubahan dalam nilai saksama	(165)	(65)	(74)	(183)
Kerugian/(keuntungan) bersih atas pelupusan	-	1	-	5
Aset biologi:				
Perubahan dalam nilai saksama	(2)	7	-	-
Keuntungan atas pelupusan:				
Syarikat-syarikat anak	(1)	-	-	(43)
Syarikat-syarikat bersekutu	(2)	-	-	-
Aset dipegang untuk dijual	-	(71)	-	-
Aset kewangan melalui untung atau rugi:				
Perubahan nilai saksama	(1)	1	(1)	44
Peruntukan bagi rosotnilai pelaburan di dalam:				
syarikat-syarikat usahasama	43	-	-	-
syarikat-syarikat anak	-	-	-	48
Aset tidak zahir:				
Hapuskira	-	1	-	-
Pelunasan dan rosotnilai	12	5	-	-
Pendapatan dividen	(2)	(5)	(280)	(212)
Kerugian/(keuntungan) pertukaran mata wang asing belum direalisasi	(3)	10	-	-
Pelunasan:				
Geran kerajaan	(14)	(16)	(7)	(7)
Sewaan pajakan tanah	(15)	(14)	(11)	(11)
Elaun rosotnilai penghutang perdagangan dan lain-lain	70	12	56	9
Pembalikan rosotnilai penghutang perdagangan dan lain-lain	(10)	(4)	(9)	(42)
Perbelanjaan faedah	470	451	137	152
Pendapatan faedah	(32)	(45)	(11)	(8)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama	(124)	(118)	-	-
<b>Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan dalam modal kerja</b>	<b>1,065</b>	<b>958</b>	<b>(8)</b>	<b>(72)</b>

## PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Kumpulan		Johor Corporation		
	2019	2018 Dinyatakan semula	2019	2018 Dinyatakan semula	
<b>Perubahan dalam modal kerja</b>					
Inventori	(39)	(158)	(11)	(156)	
Penghutang	54	505	(48)	213	
Aset kontrak	(5)	(68)	-	-	
Pembiutang	239	(226)	984	234	
Liabiliti kontrak	15	58	-	-	
Syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama	42	(5)	-	-	
<b>Tunai dijana/(digunakan dalam) kegiatan operasi</b>	<b>1,371</b>	1,064	<b>917</b>	219	
Pulangan cukai	45	8	3	-	
Cukai dibayar	(205)	(223)	(3)	-	
<b>Tunai bersih dijana daripada kegiatan operasi</b>	<b>1,211</b>	849	<b>917</b>	219	
<b>KEGIATAN PELABURAN</b>					
Perolehan daripada pelupusan pelaburan dalam:					
Syarikat-syarikat anak	-	-	-	52	
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	-	5	-	-	
Pengambilalihan tambahan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak	-	(2)	(17)	(60)	
Dividen diterima daripada syarikat anak	2	5	280	212	
Dividen diterima daripada syarikat bersekutu	11	13	-	-	
Pelarasan pengiktirafan awal MFRS 16	-	-	1	-	
Faedah diterima	32	45	11	8	
Harta, loji dan kelengkapan:					
Perolehan daripada pelupusan	24	190	-	5	
Pembelian	(606)	(617)	(37)	(3)	
Hak penggunaan aset:					
Pembelian	(15)	-	-	-	
Hartanah pelaburan:					
Pembelian	(195)	(428)	(11)	(10)	
Aset biologi:					
Perolehan daripada pelupusan	3	6	-	-	
Pembelian	(7)	(4)	-	-	
Aset tidak zahir:					
Perolehan daripada pelupusan	-	3	-	-	
Pembelian	(15)	(11)	-	-	
Pembelian:					
Aset kewangan pada FVOCI	(41)	-	-	-	
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	(1)	(5)	-	(42)	
Pelaburan dalam syarikat usahasama	(47)	(27)	-	-	
Peningkatan deposit tetap dengan bank berlesen dengan tempoh matang lebih dari 3 bulan	(77)	(93)	-	-	

	Kumpulan		Johor Corporation		
	2019	2018 Dinyatakan semula	2019	2018 Dinyatakan semula	
<b>KEGIATAN PELABURAN (SAMBUNGAN)</b>					
Geran kerajaan diterima	21		15		14
Tunai bersih masuk atas pelupusan kumpulan diklasifikasi sebagai pegangan untuk dijual	-		181		91
<b>Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada kegiatan pelaburan</b>	<b>(911)</b>		(724)		<b>241</b>
<b>KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>					
Pengeluaran pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	<b>2,846</b>		1,544		-
Pembayaran balik pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	(2,799)		(955)		(809)
Pembayaran balik liabiliti pajakan	(24)		-		(8)
Pembayaran balik kepada syarikat anak	-		-		(199)
Pendahuluan daripada kepentingan bukan kawalan syarikat anak, bayaran bersih	-		(5)		-
Perolehan daripada pengurangan kepentingan dalam syarikat anak	-		120		-
Pelupusan syarikat anak	3		-		-
Faedah dibayar	(470)		(451)		(77)
Faedah dibayar kepada syarikat anak	-		-		(60)
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	(119)		(104)		-
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	(8)		(12)		(8)
Akaun yang ditetapkan	(34)		(17)		-
<b>Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan</b>	<b>(605)</b>		120		<b>(1,161)</b>
Perubahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(305)		245		(3)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	866		607		119
Kesan perubahan kadar pertukaran ke atas tunai dan kesetaraan tunai	7		14		-
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember</b>	<b>568</b>		866		<b>116</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>					
Baki tunai dan bank	<b>761</b>		834		<b>100</b>
Simpanan tetap	<b>375</b>		405		<b>16</b>
Overdraft bank	<b>1,136</b>		1,239		<b>116</b>
Deposit tetap dengan bank berlesen dengan tempoh matang lebih dari 3 bulan	(213)		(129)		-
Akaun yang ditetapkan	(203)		(126)		-
	(152)		(118)		-
	<b>568</b>		866		<b>116</b>
					119

## PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 1. MAKLUMAT KORPORAT

Johor Corporation telah diperbadankan dibawah Enakmen Johor Corporation Bil. 4, 1968, (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995).

Alamat tempat perniagaan utama bagi Johor Corporation adalah seperti berikut:

Tingkat 11, Menara KOMTAR  
Johor Bahru City Centre  
80000 Johor Bahru, Johor  
Malaysia.

Penyata kewangan Johor Corporation yang disatukan pada dan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 meliputi Johor Corporation dan syarikat-syarikat anaknya dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu dan syarikat usahasama.

Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan harta tanah dan pegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri terutamanya daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan penjagaan kesihatan pakar (prisihatian), pembangunan dan pengurusan harta tanah, intrapreneur venture, restoran khidmat cepat dan pegangan pelaburan.

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA

### 2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") di Malaysia.

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan kos sejarah kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam dasar-dasar perakaunan di bawah.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan semua nilai dibundarkan ke juta terdekat (RM juta) melainkan dinyatakan selainnya.

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah hasil dan belanja yang dilaporkan dalam tempoh laporan. Walaupun anggaran ini berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah tentang keadaan dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berlainan daripada anggaran tersebut. Ia juga memerlukan pihak pengurusan membuat penilaian dalam proses mengaplikasikan dasar-dasar perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation, perkara-perkara yang melibatkan penilaian yang lebih tinggi atas perkara yang kompleks, atau perkara di mana andaian dan anggaran yang penting kepada penyata kewangan sebagaimana didekahkan dalam Nota 3.

Sepanjang tahun kewangan, Kumpulan dan Johor Corporation telah mempertimbangkan pengumuman perakaunan baru dalam penyediaan penyata kewangan.

### 2.2 Piawaian, pindaan dan interpretasi yang telah dikeluarkan dan berkuatkuasa

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai adalah konsisten dengan tahun kewangan yang lepas.

Selain dari menerima pakai MFRS 16, para Pengarah Johor Corporation tidak menjangkakan bahawa penggunaan pindaan dan penambahbaikan ini akan memberi impak besar kepada tempoh semasa Kumpulan dan Johor Corporation atau sebarang tempoh terdahulu dan tidak mungkin menjelaskan penyata kewangan masa depan. Kesan terperinci perubahan tersebut didekahkan dalam Nota 44.

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.3 Piawaian, pindaan dan interpretasi yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa

Piawaian, pindaan dan interpretasi yang dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa sehingga tarikh penerbitan penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation dinyatakan di bawah. Kumpulan dan Johor Corporation berhasrat untuk menerima pakai piawaian ini, jika berkenaan, apabila ia menjadi efektif.

**Berkuatkuasa bagi tempoh  
kewangan bermula pada  
atau selepas**

#### Perihal

Rangka Kerja Konseptual untuk Pelaporan Kewangan (Disemak 2018)

1 Januari 2020

Pindaan kepada MFRS 101 dan MFRS 108 'Definisi Material'

1 Januari 2020

Pindaan kepada MFRS 3 'Kombinasi Perniagaan - Definisi Perniagaan'

1 Januari 2020

MFRS 17 'Kontrak Insuran'

1 Januari 2021

Pindaan kepada MFRS 9, MFRS 139 dan MFRS 7

1 Januari 2021

Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128

Tertunda

#### (a) Rangka Kerja Konseptual untuk Pelaporan Kewangan (Disemak 2018)

Rangka Kerja ini telah disemak semula dengan tujuan utama untuk membantu IASB untuk membangunkan IFRS yang berdasarkan konsep konsisten dan membolehkan penyedia untuk membangunkan dasar perakaunan yang konsisten di mana suatu isu tidak ditangani oleh IFRS. Rangka Kerja ini bukanlah IFRS, dan tidak mengatasi sebarang IFRS.

Perubahan penting kepada Rangka Kerja adalah seperti berikut:

- Objektif pelaporan kewangan tujuan umum - penjelasan bahawa objektif pelaporan kewangan adalah untuk menyediakan maklumat berguna kepada pengguna penyata kewangan untuk keputusan peruntukan sumber dan penilaian pengawasan pengurusan.
- Ciri-ciri kualitatif maklumat kewangan yang berguna - mengembalikan semula konsep-konsep penghematan apabila membuat penilaian terhadap keadaan yang tidak menentu dan konsep "substance over form" untuk memastikan perwakilan fenomena ekonomi yang tepat.
- Penjelasan mengenai entiti pelaporan untuk pelaporan kewangan - pengenalan takrif baru entiti pelapor, yang mungkin merupakan entiti sah atau sebahagian entiti sah.
- Elemen penyata kewangan - definisi aset dan liabiliti telah diperhalusi. Panduan untuk menentukan unit akaun untuk aset dan liabiliti telah ditambah, dengan mempertimbangkan jenis kontrak eksport dan bahan kontrak.
- Pengiktirafan dan penyahiktirafan - kebarangkalian batas pengiktirafan aset atau liabiliti telah dikeluarkan. Panduan baru mengenai penyahiktirafan aset dan liabiliti telah ditambah.
- Pengukuran - penjelasan faktor yang perlu dipertimbangkan apabila memilih asas pengukuran telah disediakan.
- Pembentangan dan penyataan - penjelasan bahawa penyata untung atau rugi ("P&L") adalah sumber utama maklumat mengenai prestasi kewangan entiti bagi tempoh pelaporan. Pada dasarnya, kitar semula pendapatan/perbelanjaan yang termasuk dalam pendapatan komprehensif lain untuk P&L diperlukan jika ia menghasilkan maklumat yang lebih relevan atau perwakilan P&L yang lebih tepat.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.3 Piawaian, pindaan dan interpretasi yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

- (a) Rangka Kerja Konseptual untuk Pelaporan Kewangan (Disemak 2018) (sambungan)

Pindaan kepada Rujukan Rangka Kerja Konsep dalam Piawaian MFRS

MASB juga mengeluarkan Pindaan kepada Rujukan Rangka Kerja Konsep dalam Piawaian MFRS ('Pindaan'), untuk mengemaskini rujukan dan sebutharga kepada empat belas (14) Piawaian untuk menjelaskan versi Rangka Kerja Konseptual yang dirujuk oleh Piawaian-Piawaian ini, yang mana tarikh berkuatkuasa di atas terpakai.

Pindaan tersebut hendaklah diaplifikasi secara retrospektif mengikut MFRS 108 melainkan aplikasi retrospektif tidak praktikal atau melibatkan kos atau usaha tidak wajar.

- (b) Pindaan kepada MFRS 101 dan MFRS 108 "Definisi Material"

Pindaan ini menjelaskan definisi materialiti dan menggunakan definisi yang konsisten sepanjang MFRS dan Rangka Kerja Konsep untuk Pelaporan Kewangan.

Takrif 'material' telah disemak semula sebagai "Maklumat adalah penting sekiranya tertinggal, salah penyataan atau mengaburkannya adalah wajar dijangka akan mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pengguna utama penyata kewangan umum berdasarkan penyata kewangan tersebut, yang memberikan maklumat kewangan mengenai entiti pelapor tertentu".

Pindaan juga:

- menjelaskan bahawa entiti menilai materialiti dalam konteks penyata kewangan secara keseluruhannya.
- menerangkan konsep mengaburkan maklumat dalam definisi baru. Maklumat ialah dikaburkan jika ia mempunyai kesan yang sama seperti kehilangan atau salah penyataan maklumat tersebut. Sebagai contoh, urus niaga material tersebar di seluruh penyata kewangan, butiran yang tidak sama tidak sesuai diagregatkan, atau maklumat material tersembunyi oleh maklumat tidak material.
- menjelaskan maksud "pengguna utama penyata kewangan" yang mana penyata kewangan itu ditujukan, mendefinisikan mereka untuk tujuan umum sebagai "pelabur sedia ada dan berpotensi, peminjam dan pemutang lain" yang harus bergantung pada tujuan umum penyata kewangan untuk informasi kewangan yang diperlukan.

Pindaan ini akan diaplifikasi secara prospektif.

- (c) Pindaan kepada MFRS 3 "Kombinasi Perniagaan - Definisi Perniagaan"

Pindaan itu menjelaskan bahawa untuk dianggap sebagai perniagaan, pengambilalihan mesti memasukkan input dan proses substantif yang bersama-sama menyumbang dengan keupayaan untuk menghasilkan output.

Pindaan tersebut memberi panduan untuk menentukan sama ada input dan proses substantif hadir, termasuk situasi di mana pengambilalihan tidak mempunyai output. Untuk menjadi perniagaan tanpa output, kini perlu ada tenaga kerja yang teratur. Ia juga tidak lagi perlu untuk menilai sama ada penyertaan pasaran mampu menggantikan elemen yang hilang atau mengintegrasikan aktiviti dan aset yang diperoleh.

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.3 Piawaian, pindaan dan interpretasi yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

- (a) Pindaan kepada MFRS 3 "Kombinasi Perniagaan - Definisi Perniagaan" (sambungan)

Di samping itu, definisi yang disemak semula untuk istilah "output" dikeciklan, memberi tumpuan kepada barang atau perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan, menjana pulangan pelaburan dan pendapatan lain tetapi tidak termasuk pulangan dalam bentuk penjimatan kos.

Pindaan-pindaan ini memperkenalkan satu pilihan penilaian ringkas yang dikenali sebagai "ujian konsentrasi" yang, jika dipenuhi, menghapuskan keperluan penilaian lanjut. Di bawah ujian konsentrasi ini, jika sebahagian besar daripada nilai saksama aset kasar diperolehi tertumpu dalam satu aset yang boleh dikenalpasti (atau sekumpulan aset yang sama), aset yang diperolehi tidak akan mewakili perniagaan.

Pindaan ini akan diaplifikasi secara prospektif.

- (d) MFRS 17 "Kontrak Insurans"

MFRS 17 terpakai untuk kontrak insurans yang dikeluarkan, kepada semua kontrak insurans semula dan kontrak pelaburan dengan ciri-ciri penyertaan budi bicara sekiranya entiti juga mengeluarkan kontrak insurans. Bagi kontrak perkhidmatan yuran tetap yang tujuan utamanya ialah penyediaan perkhidmatan, entiti mempunyai pilihan dasar perakaunan untuk menjelaskannya mengikut sama ada MFRS 17 atau MFRS 15 "Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan". Entiti dibenarkan untuk akaun kontrak jaminan kewangan mengikut MFRS 17 jika entiti telah menegaskan secara eksplisit bahawa ia dianggap sebagai kontrak insurans. Kontrak insurans, (selain daripada insuran semula) di mana entiti pemegang polisi tidak berada dalam skop MFRS 17. Derivatif terbenam dan komponen pelaburan dan perkhidmatan yang berbeza mestilah "terlerai" dan diambil kira secara berasingan mengikut MFRS yang berkaitan. Peleraian secara sukarela komponen lain adalah dilarang.

MFRS 17 memerlukan model pengukuran semasa di mana anggaran diukur semula pada setiap tempoh pelaporan. Pengukuran adalah berdasarkan blok bangunan yang didiskaun, aliran tunai kebarangkalian wajaran, pelarasan risiko dan margin perkhidmatan kontrak ("CSM") yang mewakili keuntungan kontrak yang belum diperolehi. Entiti mempunyai pilihan dasar untuk mengiktiraf kesan perubahan dalam kadar diskau dan andaian lain yang berkaitan dengan risiko kewangan sama ada dalam keuntungan atau kerugian atau dalam pendapatan komprehensif lain.

Model pengukuran alternatif disediakan untuk perlindungan insurans yang berlainan:

- a) Pendekatan Peruntukan Premium Ringkas jika tempoh perlindungan insurans adalah setahun atau kurang.
- b) Pendekatan Yuran Pembolehubah hendaklah digunakan untuk kontrak insurans yang menyatakan hubungan antara bayaran kepada pemegang polisi dan pulangan ke atas item asas.

Keperluan MFRS 17 menyelaras pembentangan hasil dengan industri lain. Hasil diperuntukkan kepada tempoh yang berkadar dengan nilai jangkaan yang diliputi dan perkhidmatan lain yang disediakan oleh penanggung insurans dalam tempoh tersebut, dan tuntutan dibentangkan apabila ditanggung. Komponen pelaburan dikecualikan daripada hasil dan tuntutan.

Penanggung insurans dikehendaki mendedahkan maklumat mengenai amaun, pertimbangan dan risiko yang timbul daripada kontrak insurans.

- (e) Pindaan kepada MFRS 9, MFRS 139 dan MFRS 7

- (f) Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128

Kesan piawaian perakaunan dan pindaan baru di atas sedang dinilai oleh Para Pengarah.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)****2.4 Asas-asas penyatuan**

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Johor Corporation dan kesemua syarikat anaknya pada tarikh laporan. Penyata kewangan syarikat-syarikat anak yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan disatukan disediakan pada tarikh laporan yang sama seperti Johor Corporation. Dasar perakaunan yang konsisten digunakan untuk urus niaga dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Johor Corporation mengawal penerima pelaburan jika dan hanya jika Johor Corporation mempunyai semua yang berikut:

- (i) Kuasa ke atas penerima pelaburan (iaitu hak yang sedia ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan berkaitan penerima pelaburan);
- (ii) Pendedahan, atau hak, untuk pulangan pembolehubah daripada pelaburan dengan penerima pelaburan; dan
- (iii) Keupayaan untuk menggunakan kuasa ke atas penerima pelaburan untuk mempengaruhi pulangan.

Apabila Johor Corporation mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi penerima pelaburan, Johor Corporation mempertimbangkan yang berikut dalam menilai sama ada atau tidak hak mengundi Kumpulan dalam penerima pelaburan adalah mencukupi untuk memberikan kuasanya ke atas penerima pelaburan:

- (i) Saiz pegangan hak mengundi Johor Corporation berbanding dengan saiz dan penyebaran pegangan pemegang undi lain;
- (ii) Potensi hak mengundi yang dipegang oleh Johor Corporation, pemegang undi lain atau pihak-pihak lain;
- (iii) Hak yang timbul daripada pengaturan berkontrak yang lain; dan
- (iv) Mana-mana fakta tambahan dan keadaan yang menunjukkan bahawa Johor Corporation telah, atau tidak mempunyai, keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan yang berkaitan pada masa keputusan perlu dibuat, termasuk corak mengundi di mesyuarat pemegang saham sebelumnya.

Syarikat-syarikat anak disatukan apabila Johor Corporation mempunyai kawalan ke atas syarikat anak dan tidak akan disatukan apabila Johor Corporation kehilangan kawalan ke atas syarikat anak itu. Semua baki antara kumpulan, pendapatan dan perbelanjaan dan keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urus niaga antara kumpulan tidak direalisasi dihapuskan sepenuhnya.

Kerugian dan setiap komponen kerugian komprehensif lain-lain di dalam syarikat anak adalah diagihkan kepada syarikat induk dan kepentingan bukan kawalan walaupun kesannya memberikan kepentingan bukan kawalan menghasilkan baki deficit.

Perubahan dalam kepentingan pemilikan Kumpulan dalam syarikat-syarikat anak yang tidak akan mengakibatkan kehilangan kawalan ke atas Johor Corporation diambil kira sebagai urus niaga ekuiti. Amaun dibawa bagi kepentingan Kumpulan dan kepentingan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan relatif Johor Corporation dalam syarikat anak. Perbezaan yang terhasil diiktiraf secara langsung dalam rizab hasil antara ekuiti dan diagihkan kepada pemilik Johor Corporation.

Perubahan dalam pemilikan kepentingan Johor Corporation dalam syarikat anak yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai urus niaga ekuiti. Dalam keadaan sedemikian, amaun dibawa kepentingan kawalan dan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan relatif mereka dalam syarikat anak. Sebarang perbezaan antara jumlah yang mana kepentingan bukan kawalan dilaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan diaktikan kepada milikan Johor Corporation.

**2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)****2.4 Asas-asas penyatuan (sambungan)**

Apabila Kumpulan kehilangan kawalan ke atas sebuah syarikat anak, keuntungan atau kerugian yang dikira sebagai perbezaan di antara (i) agregat nilai saksama pertimbangan yang diterima dan nilai saksama sebarang faedah tertangguh dan (ii) amaun dibawa sebelum ini bagi aset dan liabiliti syarikat anak dan mana-mana kepentingan bukan kawalan, diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian terkumpul syarikat anak yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian atau jika berkenaan, akan dipindahkan ke perolehan tertahan. Nilai saksama bagi mana-mana pelaburan terkumpul dalam bekas syarikat anak pada tarikh kawalan hilang dianggap sebagai kos pada pengiktirafan awal pelaburan.

**Kombinasi perniagaan**

Pengambilalihan syarikat-syarikat anak diambilkira dengan menggunakan kaedah pengambilalihan. Kos pengambilalihan diukur sebagai agregat pertimbangan yang dipindahkan, diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan apa-apa amaun kepentingan bukan kawalan yang diambilalih. Kumpulan memilih asas secara transaksi demi transaksi untuk mengukur kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambilalih sama ada pada nilai saksama atau pada kadar daripada aset bersih yang boleh dikenal pasti. Kos urus niaga yang dibelanjakan dimasukkan dalam perbelanjaan pentadbiran.

Sebarang pertimbangan kontingen yang akan dipindahkan oleh pengambilalih akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Perubahan seterusnya ke atas nilai saksama pertimbangan kontingen adalah disifatkan sebagai suatu aset atau liabiliti, akan diiktiraf menurut MFRS 9 sama ada dalam penyata untung atau rugi atau sebagai perubahan kepada lain-lain pendapatan komprehensif. Jika pertimbangan kontingen diklasifikasikan sebagai ekuiti, ia tidak akan diukur semula. Penyelesaian berikutnya diambilkira di dalam ekuiti. Dalam keadaan di mana pertimbangan kontingen tidak termasuk dalam skop MFRS 9, ia diukur mengikut MFRS yang sesuai.

Apabila Kumpulan mengambil alih perniagaan, Kumpulan menilai aset dan liabiliti kewangan yang diandaikan mengikut pengelasan dan kedudukan mengikut terma kontrak, keadaan ekonomi dan keadaan yang berkaitan pada tarikh pengambilalihan. Ini termasuk pemisahan derivatif terbenam dalam kontrak hos oleh syarikat yang diambilalih.

Sekiranya kombinasi perniagaan dicapai secara berperingkat, nilai saksama tarikh pengambilalihan kepentingan ekuiti yang dimiliki oleh pengambilalih sebelum ini diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan melalui untung atau rugi.

Muhibah pada mulanya diukur pada kos, merupakan lebihan agregat pertimbangan yang dipindahkan dan jumlah yang diiktiraf ke atas aset bersih dan liabiliti yang boleh dikenalpasti bagi kepentingan bukan kawalan. Jika pertimbangan ini adalah lebih rendah daripada nilai saksama aset bersih syarikat anak yang diambil alih, perbezaannya diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Dasar perakaunan untuk muhibah dinyatakan di Nota 2.10(a).

**2.5 Urus niaga dengan kepentingan bukan kawalan**

Kepentingan bukan kawalan mewakili ekuiti dalam syarikat-syarikat anak yang tidak boleh diaktikan, secara langsung atau tidak langsung, kepada milikan Johor Corporation, dan dibentangkan secara berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif yang disatukan dan ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan, berasingan daripada ekuiti diaktikan kepada milikan Johor Corporation.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.6 Mata wang asing

## (a) Mata wang fungsian dan mata wang pembentangan

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang fungsian"). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang juga merupakan mata wang fungsian Johor Corporation.

## (b) Urus niaga mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing adalah diukur dalam mata wang fungsian Johor Corporation dan syarikat-syarikat anak masing-masing dan direkod pada pengiktirafan awal dalam mata wang fungsian pada kadar pertukaran yang berhampiran dengan kadar yang digunakan pada tarikh urus niaga tersebut. Liabiliti dan aset monetari yang didenominasi dalam mata wang asing adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh laporan. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang diukur pada kos sejarah saksama adalah ditukar menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urus niaga awal. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing diukur pada nilai saksama adalah ditukar menggunakan kadar pertukaran pada tarikh apabila nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian item-item monetari atau atas pertukaran item-item monetari pada tarikh laporan adalah diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item monetari yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi-operasi asing, yang diiktiraf pada awalnya dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan terkumpul sebagai rizab turun naik mata wang dalam ekuiti. Rizab turun naik mata wang tersebut diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi Kumpulan di atas pelupusan operasi luar negara.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada pertukaran item-item bukan monetari dibawa pada nilai saksama adalah diambilkira di dalam untung atau rugi bagi tempoh tersebut melainkan perbezaan yang timbul di atas pertukaran item-item bukan monetari di mana untung atau rugi diiktiraf terus di dalam ekuiti.

## (c) Operasi luar negara

Aset dan liabiliti operasi luar negara diterjemah ke dalam RM pada kadar pertukaran pada tarikh laporan dan pendapatan dan perbelanjaan adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh urus niaga. Perbezaan tukaran yang timbul daripada pertukaran adalah diambilkira terus sebagai lain-lain pendapatan komprehensif.

Selepas pelupusan sebuah operasi luar negara, jumlah terkumpul diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di dalam ekuiti di bawah rizab turun naik mata wang berkaitan dengan operasi luar negara tersebut diiktiraf di dalam untung atau rugi.

Muhibah dan pelarasan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan operasi luar negara adalah dianggap sebagai aset dan liabiliti operasi luar negara dan direkodkan mengikut mata wang fungsian bagi operasi luar negara tersebut dan ditukarkan pada kadar penutup pada tarikh laporan.

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.7 Harta, loji dan kelengkapan

Semua item harta, loji dan kelengkapan pada mulanya direkod pada kos. Kos sesuatu harta, loji dan kelengkapan hanya diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan Johor Corporation dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti.

Harta prisihatin diukur pada nilai saksama tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai diambil kira selepas tarikh penilaian semula dibuat. Penilaian ini dilakukan dengan kekerapan yang mencukupi bagi memastikan bahawa amaun dibawa tidak berbeza dengan ketara daripada nilai saksama harta-harta prisihatin pada tarikh pelaporan.

Lebihan daripada penilaian semula akan diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di dalam ekuiti di bawah rizab penilaian semula aset, kecuali setakat mana ia membalikkan pengurangan penilaian semula bagi aset yang sama sebelum ini diiktiraf dalam untung atau rugi, di mana pertambahan diiktiraf dalam untung atau rugi. Defisit penilaian semula diiktiraf dalam penyata untung atau rugi, kecuali setakat mana ia mengimbangi lebihan yang sedia ada ke atas aset yang sama dan direkod di dalam rizab penilaian semula aset.

Sebarang susutnilai terkumpul harta prisihatin pada tarikh penilaian semula ditolak dengan amaun dibawa kasar aset dan jumlah dinyatakan semula kepada jumlah aset yang dinilai. Lebihan penilaian semula termasuk di dalam rizab penilaian semula aset adalah berkenaan dengan aset yang dipindahkan ke rizab hasil apabila dilupuskan.

Selepas pengiktirafan, harta, loji dan kelengkapan lain diukur pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul. Apabila bahagian-bahagian signifikan harta, loji dan kelengkapan diperlukan untuk diganti secara berjarak, Kumpulan dan Johor Corporation mengiktiraf bahagian-bahagian sedemikian sebagai aset-aset individu dengan jangka hayat tertentu dan susutnilai, masing-masing. Begitu juga, bila pemeriksaan utama dijalankan, kosnya diiktiraf dalam amaun dibawa loji dan kelengkapan sebagai satu gantian sekiranya kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos baik pulih dan penyelenggaraan lain akan diiktiraf dalam untung atau rugi bila ianya ditanggung.

Tanah pegangan bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad, dan oleh demikian tidak disusutnilai. Susutnilai dikira atas dasar garis lurus bagi tempoh jangka hayat boleh guna yang dijangkakan bagi aset-aset tersebut seperti mana berikut:

Tanah pajakan	15 - 904 tahun
Aset penghasil	20 tahun dari tahun matang
Bangunan	4 - 50 tahun
Harta prisihatin	50 - 999 tahun
Loji dan jentera	3 - 25 tahun
Peralatan pejabat	5 - 15 tahun
Lekapan dan kelengkapan	2 - 20 tahun
Kenderaan bermotor	3 - 5 tahun
Pengubahsuai	10 tahun

Modal kerja dalam pelaksanaan yang dimasukkan ke dalam harta, loji dan kelengkapan tidak disusutnilai kerana aset tersebut masih belum digunakan. Semua perbelanjaan yang berkaitan dengan pembangunan ladang kelapa sawit (belum matang) diklasifikasikan dibawah aset penghasil. Kos ini akan dilunaskan ke atas hayat berguna apabila mencapai kematangan. Tarikh kematangan untuk aset penghasil adalah pada satu tempoh masa iaitu apabila kawasan penanaman baru mencapai 48 bulan dari tarikh penanaman awal.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.7 Harta, loji dan kelengkapan (sambungan)

Nilai bawa harta, loji dan kelengkapan disemak bagi rosotnilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawa tersebut mungkin tidak dapat diperolehi semula. Rujuk dasar perakaunan berkenaan rosotnilai aset-aset bukan kewangan seperti dinyatakan di Nota 2.11.

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susutnilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai.

Sesuatu item harta, loji dan kelengkapan dinyahiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyahiktiraf aset tersebut diambilkira di dalam untung atau rugi dalam tahun kewangan aset tersebut dinyahiktiraf.

## 2.8 Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urus niaga. Selepas pengiktirafan awal, hartenah pelaburan diukur pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan-keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai saksama diperolehi dengan merujuk kepada bukti pasaran bagi harga-harga urus niaga bagi hartenah yang serupa dan dilakukan oleh para penilai bebas yang berdaftar yang memiliki kelayakan profesional diiktiraf dengan sewajarnya dan mempunyai pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori harta yang dinilai. Untung atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai-nilai saksama bagi hartenah pelaburan dimasukkan dalam untung atau rugi dalam tahun di mana ianya dinilai.

Hartenah pelaburan adalah dinyahiktiraf sama ada selepas ia dilupus atau bila hartenah pelaburan tersebut tidak lagi digunakan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi pada masa depan akan diperolehi daripada penjualannya. Sebarang untung atau rugi atas penamatan penggunaan atau pelupusan hartenah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun kewangan penamatan penggunaan atau pelupusan.

Pindahan-pindahan dibuat kepada atau daripada hartenah pelaburan hanya apabila ada perubahan dalam kegunaannya. Bagi pindahan daripada hartenah pelaburan kepada hartenah dihuni sendiri, kos yang dianggar bagi perakaunan seterusnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada harta dihuni sendiri kepada hartenah pelaburan, harta tersebut diambilkira menurut dasar perakaunan bagi harta, loji dan kelengkapan yang dinyatakan dalam Nota 2.7 sehingga ke tarikh perubahan dalam kegunaan.

## 2.9 Aset biologi

Aset biologi merangkumi ternakan, tumbuhan penghasil yang mengeluarkan hasil dan lain-lain aset biologi. Aset-aset biologi diukur pada nilai saksama tolak kos untuk dijual. Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama tolak kos untuk dijual diiktiraf dalam untung atau rugi. Nilai saksama ditentukan berdasarkan pada nilai semasa kaedah keluaran dijangkakan dan anggaran harga pasaran aset biologi.

Aset biologi dikategorikan sebagai aset semasa bagi tumbuhan penghasil yang dijangka akan dituai dan untuk ternakan yang dijangka akan dijual atau digunakan untuk pengeluaran pada tarikh tidak melebihi 12 bulan selepas tarikh pelaporan. Baki diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.10 Aset tidak zahir

## (a) Muhibah

Muhibah pada awalnya diukur pada kos. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos tolak kerugian rosotnilai terkumpul. Bagi tujuan menguji kerosotan nilai, muhibah yang diperolehi diperuntukkan, dari tarikh perolehan, kepada setiap satu unit penjanaan tunai Kumpulan yang dijangka akan menerima manfaat daripada sinergi kombinasi tersebut.

Unit penjanaan tunai kepada muhibah yang telah diperuntukkan diuji untuk rosotnilai secara tahunan dan apabila terdapat satu indikasi bahawa unit penjanaan tunai tersebut mungkin dirosotnilai, dengan membandingkan amaun dibawa bagi unit penjanaan tunai tersebut, termasuk muhibah yang diperuntukkan, dengan amaun boleh pulih bagi unit yang menjana tunai tersebut. Bagi situasi di mana jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut adalah kurang daripada amaun dibawa, kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai diiktiraf bagi muhibah tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh seterusnya. Rujuk dasar perakaunan berkenaan rosot nilai aset-aset bukan kewangan seperti dinyatakan di Nota 2.11.

## (b) Aset tidak zahir lain

Aset tidak zahir diperolehi berasingan pada awalnya diukur pada kos. Kos aset tidak zahir diperolehi dalam satu kombinasi perniagaan adalah nilai saksama mereka pada tarikh pengambilalihan. Selepas pengambilalihan awal, aset tidak zahir diukur pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul.

Aset tidak zahir dengan tempoh hayat berguna yang terbatas adalah dilunaskan atas tempoh hayat berguna yang dijangkakan dan ditaksir semula bagi rosotnilai bila-bila masa terdapatnya satu indikasi bahawa aset tidak zahir tersebut mungkin akan dirosotnilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap penghujung tahun kewangan. Perubahan-perubahan kepada tempoh hayat berguna dijangka atau corak penggunaan dijangka bagi faedah-faedah ekonomi masa depan yang terkandung dalam aset tersebut dinyatakan dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan, mengikut kesesuaian, dan dianggap sebagai perubahan-perubahan dalam anggaran-anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan atas aset tidak zahir dengan hayat terbatas diiktiraf dalam untung atau rugi.

Aset tidak zahir dengan tempoh hayat berguna adalah dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus ke atas anggaran tempoh hayat berguna aset-aset seperti berikut:

Perbelanjaan pembangunan perisian

Lain-lain

5 tahun

1 - 2 tahun

Aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas atau belum lagi dapat digunakan akan diuji untuk rosotnilai secara tahunan, atau dengan lebih kerap jika peristiwa atau keadaan menunjukkan bahawa nilai bawa mungkin dirosotnilai sama ada secara individu atau pada tahap unit penjanaan tunai. Aset tidak zahir sedemikian tidak dilunas. Hayat berguna bagi aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas dikaji semula secara tahunan untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna tersebut masih boleh terus disokong. Jika tidak, perubahan dalam hayat berguna daripada tidak terbatas kepada terbatas dibuat secara prospektif. Rujuk dasar perakaunan berkenaan rosotnilai aset-aset bukan kewangan seperti dinyatakan di Nota 2.11.

Untung atau rugi daripada aset tidak zahir yang dinyahiktiraf diukur sebagai perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan amaun dibawa aset tersebut dan diiktiraf dalam untung atau rugi bila aset tersebut dinyahiktiraf.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.11 Rosotnilai asset-asset bukan kewangan

Kumpulan dan Johor Corporation menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat satu indikasi bahawa aset mungkin dirosotnilai. Sekiranya indikasi sedemikian wujud, atau bila penilaian rosotnilai secara tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan dan Johor Corporation membuat anggaran aman boleh pulih daripada aset tersebut.

Amaun boleh pulih daripada sesuatu aset adalah jumlah yang lebih tinggi bagi nilai saksama aset tolak kos pelupusan dan nilainya bila diguna. Bagi tujuan penilaian rosotnilai, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah di mana terdapat aliran tunai Unit Penjanaan Tunai ("UPT") yang boleh dikenal pasti secara berasingan.

Dalam menaksir nilai sedang digunakan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset tersebut didiskau kepada nilai semasa menggunakan kadar diskau pra-cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko yang khusus terhadap aset tersebut. Jika aman dibawa sesuatu aset melebihi aman boleh pulih, aset tersebut dikurangkan kepada aman boleh pulih. Kerugian rosotnilai berhubung dengan UPT atau kumpulan UPT diperuntukkan dahulu untuk mengurangkan aman dibawa bagi sebarang muhibah yang diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk mengurangkan aman dibawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit berdasarkan asas pro-rata.

**Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung atau rugi**

Penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang indikasi bahawa kerugian rosotnilai diiktiraf terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkurangan. Kerugian rosotnilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan semula hanya jika terdapatnya perubahan dalam anggaran-anggaran yang digunakan untuk menentukan aman boleh pulih aset sejak kerugian rosotnilai kali terakhir. Sekiranya demikian, aman dibawa aset tersebut ditingkatkan kepada aman boleh pulih tidak melebihi aman dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih setelah ditolak susutnilai, tidak mempunyai kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula sedemikian diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian rosotnilai atas muhibah tidak diterbalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

## 2.12 Pelaburan dalam syarikat-syarikat anak

Dalam penyata kewangan Johor Corporation yang berasingan, pelaburan dalam syarikat-syarikat anak diambilkira pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Bagi pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan aman dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi. Di mana indikasi rosotnilai wujud, aman dibawa pelaburan tersebut dinilai dan dikurangkan kepada aman yang boleh diperolehi semula. Lihat dasar perakaunan dalam rosotnilai aset bukan-kewangan seperti dinyatakan dalam Nota 2.11.

Amaun terhutang daripada syarikat-syarikat anak di mana Johor Corporation tidak menjangkakan bayaran balik pada masa hadapan dianggap sebagai sebahagian daripada pelaburan Johor Corporation dalam syarikat-syarikat anak.

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.13 Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam kewangan dan keputusan dasar operasi penerima pelaburan tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar tersebut.

Usahasama adalah pengaturan bersama di mana pihak-pihak yang tersebut dalam pengaturan bersama mempunyai hak kawalan bersama ke atas aset bersih pengaturan bersama. Kawalan bersama adalah persetujuan kawalan usahasama yang telah dipersetujui secara kontrak, yang wujud hanya apabila keputusan mengenai aktiviti-aktiviti berkaitan memerlukan persetujuan sebulat suara daripada pihak-pihak yang mempunyai kawalan bersama.

Pada pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usahasama, sebarang lebihan kos pelaburan ke atas bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti dalam penerima pelaburan diiktiraf sebagai muhibah dan dimasukkan dalam aman dibawa pelaburan tersebut. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset dan liabiliti penerima pelaburan ke atas kos pelaburan dikecualikan daripada aman dibawa pelaburan dan sebaliknya termasuk sebagai pendapatan dalam penentuan bahagian Kumpulan dalam syarikat bersekutu ini atau untung atau rugi usahasama bagi tempoh di mana pelaburan tersebut diperolehi.

Syarikat bersekutu atau usahasama adalah ekuiti yang diambilkira dari tarikh di mana penerima pelaburan menjadi syarikat bersekutu atau usahasama.

Di bawah kaedah ekuiti, pada permulaan pengiktirafan pelaburan di dalam syarikat bersekutu atau usahasama diiktiraf pada kos, dan aman dibawa ditambah atau dikurangkan untuk mengiktiraf bahagian Kumpulan dalam untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain daripada syarikat bersekutu atau usahasama selepas tarikh pengambilalihan. Apabila bahagian kerugian Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau usahasama yang sama atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu atau usahasama, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, malainkan ia menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat bayaran bagi pihak syarikat bersekutu atau usahasama.

Keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urus niaga huluan dan hiliran di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu atau usahasama yang diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya setakat kepentingan pelabur yang tidak berkaitan di dalam syarikat bersekutu atau usahasama. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan melainkan urus niaga berkenaan menunjukkan bukti rosotnilai aset yang dipindahkan.

Penyata kewangan syarikat bersekutu dan syarikat usahasama disediakan pada tarikh laporan yang sama seperti Johor Corporation. Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas dasar-dasar perakaunan sejarah dengan dasar Kumpulan.

Selepas penggunaan kaedah ekuiti, Kumpulan menggunakan MFRS 9 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran untuk menentukan sama ada adakah perlu untuk mengiktiraf sebarang tambahan kerugian rosotnilai yang berkaitan dengan pelaburan bersih dalam syarikat bersekutu atau usahasama. Apabila perlu, aman dibawa keseluruhan pelaburan diuji untuk rosotnilai menurut MFRS 136 Rosotnilai Aset sebagai aset tunggal, dengan membandingkan aman yang boleh pulih (lebih tinggi daripada nilai yang digunakan dan nilai saksama ditolak kos pelupusan) dengan aman yang dibawa. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf di dalam untung atau rugi. Pembalikan kerugian rosotnilai kemudiannya diiktiraf setakat mana aman pelaburan yang boleh diperolehi semula meningkat.

Dalam penyata kewangan berasingan Johor Corporation, pelaburan dalam syarikat bersekutu dan usahasama dikira pada kos ditolak kerugian rosotnilai. Semasa pelupusan pelaburan tersebut, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan aman dibawa diiktiraf dalam untung atau rugi. Di mana indikasi rosotnilai wujud, aman dibawa pelaburan akan dinilai dan dikurangkan serta merta kepada aman boleh diperolehi semula. Lihat dasar perakaunan rosotnilai aset bukan kewangan seperti dinyatakan dalam Nota 2.11.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.14 Instrumen kewangan

**Aset kewangan - klasifikasi dan pengukuran**

## (i) Klasifikasi

Kumpulan dan Johor Corporation mengklasifikasikan aset kewangannya dalam kategori pengukuran berikut:

- akan diukur kemudiannya pada nilai saksama (sama ada melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("OCI") atau melalui untung atau rugi), dan
- akan diukur pada kos yang dilunaskan

Klasifikasi bergantung kepada model perniagaan entiti untuk menguruskan aset-aset kewangan dan terma-terma kontrak aliran tunai.

Bagi aset yang diukur pada nilai saksama, keuntungan dan kerugian akan direkod sama ada dalam untung atau rugi atau lain-lain pendapatan komprehensif. Bagi pelaburan dalam instrumen ekuiti yang tidak dipegang untuk dagangan, Kumpulan dan Johor Corporation telah membuat pemilihan yang tidak boleh dibatalkan pada masa pengiktirafan awal untuk merekod pelaburan ekuiti pada nilai saksama melalui lain-lain pendapatan komprehensif ("FVOCI").

Kumpulan dan Johor Corporation mengklasifikasikan semula pelaburan hutang apabila dan hanya apabila model perniagaannya untuk mengurus aset tersebut berubah.

## (ii) Pengiktirafan dan penyahiktirafan

Pembelian dan penjualan aset kewangan yang biasa diiktiraf pada tarikh dagangan, tarikh di mana Kumpulan dan Johor Corporation komited untuk membeli atau menjual aset tersebut. Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan dan Johor Corporation telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

## (iii) Pengukuran

Pada pengiktirafan awal, Kumpulan dan Johor Corporation mengukur aset kewangan pada nilai saksama ditambah, dalam kes aset kewangan tidak pada nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL"), kos urus niaga yang secara langsung dikaitkan dengan pengambilalihan aset kewangan. Kos transaksi aset kewangan yang dibawa pada FVTPL dibelanjakan dalam untung atau rugi.

Aset kewangan dengan derivatif terbenam dianggap keseluruhannya apabila menentukan sama ada aliran tunai mereka adalah Semata-mata Pembayaran Prinsipal dan Faedah ("SPPI").

**Instrumen hutang**

Pengukuran instrumen hutang bergantung kepada model perniagaan Kumpulan dan Johor Corporation untuk menguruskan aset dan ciri-ciri aliran tunai aset tersebut. Terdapat tiga kategori pengukuran yang mana Kumpulan dan Johor Corporation mengklasifikasikan instrumen hutangnya:

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.14 Instrumen kewangan (sambungan)

**Aset kewangan - klasifikasi dan pengukuran (sambungan)**

## (iii) Pengukuran (sambungan)

**Instrumen hutang (sambungan)**

## (a) Kos yang dilunaskan

Aset yang dipegang untuk kutipan aliran tunai kontrak di mana aliran tunai tersebut mewakili SPPI diukur pada kos pelunasan. Pendapatan faedah dari aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan kewangan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Sebarang untung atau rugi dan kerugian rosotnilai yang timbul daripada penyahiktirafan diiktiraf secara langsung dalam untung atau rugi dan dibentangkan dalam keuntungan/(kerugian) lain bersama dengan keuntungan dan kerugian pertukaran asing.

## (b) Nilai Saksama melalui Lain-lain Pendapatan Komprehensif ("FVOCI")

Aset yang dipegang untuk kutipan aliran tunai kontrak dan untuk menjual aset kewangan, di mana aliran tunai aset mewakili SPPI, diukur pada FVOCI. Pergerakan dalam jumlah dibawa diambil melalui OCI, kecuali pengiktirafan keuntungan atau kerugian rosotnilai, pendapatan faedah dan keuntungan dan kerugian pertukaran asing yang diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila aset kewangan tidak diiktiraf, keuntungan atau kerugian kumulatif sebelum ini diiktiraf dalam OCI diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi dan diiktiraf dalam keuntungan/(kerugian) lain. Pendapatan faedah dari aset kewangan ini termasuk dalam pendapatan kewangan menggunakan kaedah kadar faedah efektif. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing dibentangkan dalam keuntungan/(kerugian) lain dan kerugian rosotnilai dibentangkan sebagai item berasingan dalam penyata untung atau rugi.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada FVTPL diiktiraf dalam keuntungan/(kerugian) lain dalam penyata untung atau rugi yang berkenaan.

## (c) Nilai saksama melalui untung atau rugi ("FVTPL")

Aset yang tidak memenuhi kriteria untuk kos terlunas atau FVOCI diukur pada FVTPL. Kumpulan dan Johor Corporation juga boleh menetapkan aset kewangan FVTPL secara tidak boleh batal jika melakukan dengan ketara mengurangkan atau menghapuskan ketidaksesuaian yang timbul pada aset dan liabiliti yang diukur pada asas yang berlainan. Perubahan nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi dan dibentangkan bersih dalam keuntungan/(kerugian) lain dalam tempoh di mana ia timbul.

**Instrumen ekuiti**

Kumpulan dan Johor Corporation seterusnya mengukur semua pelaburan ekuiti pada nilai saksama. Di mana pengurusan Kumpulan dan Johor Corporation telah memilih untuk membentangkan keuntungan dan kerugian nilai saksama ke atas pelaburan ekuiti dalam OCI, tiada klasifikasi semula keuntungan dan kerugian nilai saksama ke atas untung atau rugi berikut pengiktirafan pelaburan tersebut. Dividen daripada pelaburan sedemikian terus diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai pendapatan lain apabila hak Kumpulan dan Johor Corporation untuk menerima pembayaran dipastikan.

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada FVTPL diiktiraf dalam keuntungan/(kerugian) lain dalam penyata untung atau rugi yang berkenaan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.14 Instrumen kewangan (sambungan)

**Kemerosotan nilai aset kewangan dan kontrak jaminan kewangan**

Kumpulan dan Johor Corporation menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan dirosotnilai.

- (i) Kemerosotan nilai bagi instrumen hutang dan kontrak jaminan kewangan

Kumpulan dan Johor Corporation menilai secara berpandangan ke hadapan Kerugian Kredit Dijangka ("ECL") yang berkaitan dengan instrumen hutangnya yang dibawa pada kos terlunas dan pada FVOCI dan kontrak jaminan kewangan yang dikeluarkan. Metodologi rosotnilai yang digunakan bergantung kepada sama ada terdapat peningkatan risiko kredit yang ketara.

Kumpulan dan Johor Corporation mempunyai empat jenis instrumen kewangan yang tertakluk kepada model ECL:

- Penghutang perdagangan dan lain-lain
- Pinjaman kepada syarikat-syarikat anak
- Aset kontrak
- Kontrak jaminan kewangan

Walaupun tunai dan kesamaan tunai juga tertakluk kepada keperluan rosotnilai MFRS 9, kerugian kemerosotan nilai yang dikenalpasti adalah tidak material.

ECL mewakili anggaran kebarangkalian wajaran perbezaan antara nilai semasa aliran tunai mengikut kontrak dan nilai semasa aliran tunai yang dijangkakan oleh Kumpulan dan Johor Corporation, sepanjang baki hayat instrumen kewangan. Bagi kontrak jaminan kewangan, ECL adalah perbezaan di antara pembayaran yang dijangkakan untuk membayar balik kepada pemegang instrumen hutang terjamin ditolak apa-apa jumlah yang Johor Corporation dijangka terima daripada pemegang, penghutang atau mana-mana pihak lain.

Pengukuran ECL menunjukkan:

- jumlah yang tidak berat sebelah dan kebarangkalian yang ditentukan dengan menilai pelbagai kemungkinan hasil;
- nilai masa wang; dan
- maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar pada tarikh pelaporan mengenai peristiwa masa lalu, keadaan semasa dan ramalan keadaan ekonomi masa hadapan.

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.14 Instrumen kewangan (sambungan)

**Kemerosotan nilai aset kewangan dan kontrak jaminan kewangan (sambungan)**

- (i) Kemerosotan nilai bagi instrumen hutang dan kontrak jaminan kewangan (sambungan)

- (a) Pendekatan umum 3-peringkat untuk penghutang lain, pinjaman kepada syarikat-syarikat anak dan kontrak jaminan kewangan yang dikeluarkan

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Johor Corporation mengukur ECL melalui eluan kerugian pada jumlah yang bersamaan dengan 12 bulan ECL jika risiko kredit ke atas instrumen kewangan atau kumpulan instrumen kewangan tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal. Bagi semua instrumen kewangan lain, eluan kerugian pada jumlah yang sama dengan jangka hayat ECL diperlukan.

Nota 25 menyatakan butiran ukuran ECL.

- (b) Pendekatan mudah untuk penghutang perdagangan dan aset kontrak.

Kumpulan dan Johor Corporation menggunakan pendekatan mudah MFRS 9 untuk mengukur ECL yang menggunakan ECL jangka hayat untuk semua penghutang perdagangan dan aset kontrak.

Nota 25 menyatakan butiran ukuran ECL.

- (ii) Peningkatan risiko kredit yang ketara

Kumpulan dan Johor Corporation mempertimbangkan kebarangkalian kemungkiran pada pengiktirafan awal ke atas aset dan sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit secara berterusan sepanjang setiap tempoh pelaporan. Untuk menilai sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit, Kumpulan dan Johor Corporation membandingkan risiko kemungkiran yang berlaku ke atas aset pada tarikh pelaporan dengan risiko kemungkinan pada tarikh pengiktirafan awal. Ia menganggap terdapat maklumat yang berpandangan ke hadapan yang boleh dipercayai dan boleh disokong.

Petunjuk berikut diambilkira:

- penarafan kredit dalaman
- penarafan kredit luar (setakat yang tersedia)
- perubahan negatif sebenar atau yang dijangkakan dalam keadaan perniagaan, kewangan atau ekonomi yang dijangka menyebabkan perubahan ketara kepada kebolehan penghutang untuk memenuhi kewajipannya
- perubahan sebenar atau jangkaan yang ketara dalam keputusan operasi penghutang
- peningkatan ketara dalam risiko kredit ke atas instrumen kewangan lain penghutang yang sama
- perubahan ketara dalam nilai cagaran yang menyokong kewajipan atau kualiti jaminan pihak ketiga atau peningkatan kredit
- perubahan ketara dalam prestasi dan kelakuan penghutang yang diharapkan, termasuk perubahan dalam status pembayaran penghutang dalam kumpulan dan perubahan dalam keputusan operasi penghutang.

Maklumat makroekonomi (seperti kadar faedah pasaran atau kadar pertumbuhan) dimasukkan sebagai sebahagian daripada model penarafan dalaman.

Tanpa mengambil kira analisis di atas, kenaikan risiko kredit adalah dianggap ketara jika penghutang melebihi 90 hari dalam membuat pembayaran kontraktual.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.14 Instrumen kewangan (sambungan)

**Kemerosotan nilai aset kewangan dan kontrak jaminan kewangan (sambungan)**

- (iii) Definisi aset kewangan yang mungkir dan kredit terjejas

Kumpulan dan Johor Corporation menentukan instrumen kewangan sebagai kemungkiran, selaras dengan definisi kredit terjejas, apabila memenuhi satu atau lebih kriteria berikut:

Kriteria kuantitatif:

Kumpulan dan Johor Corporation menentukan instrumen kewangan sebagai mungkir, apabila pihak satu lagi gagal membuat pembayaran kontrak dalam masa 90 hari apabila tiba masanya.

Kriteria kualitatif:

Penghutang memenuhi kriteria untuk tidak membayar, yang menunjukkan penghutang berada dalam kesulitan kewangan yang ketara. Kumpulan dan Johor Corporation mempertimbangkan perkara berikut:

- penghutang melanggar waad kewangan
- konsesi telah dibuat oleh pemberi pinjaman yang berkaitan dengan kesulitan kewangan penghutang
- ia menjadi kemungkinan bahawa penghutang akan memasuki kebankrakan atau penyusunan semula kewangan lain
- penghutang tidak solven

Instrumen kewangan yang mengalami kredit terjejas dinilai secara individu.

- (iv) Pengumpulan instrumen untuk ECL diukur secara kolektif

## (a) Penilaian kolektif

Untuk mengukur ECL, penghutang dagangan dan aset kontrak yang timbul daripada minyak sawit, prisihatin, hartaanah, industri, restoran khidmat cepat dan intrapreneur venture telah dikumpulkan berdasarkan ciri risiko kredit bersama. Aset kontrak berkaitan dengan kerja yang belum selesai dalam proses dan mempunyai ciri risiko yang sama dengan penghutang perdagangan untuk jenis kontrak yang sama. Oleh itu, Kumpulan dan Johor Corporation membuat kesimpulan bahawa jangkaan kadar kerugian bagi penghutang perdagangan adalah anggaran yang munasabah mengenai kadar kerugian bagi aset kontrak.

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.14 Instrumen kewangan (sambungan)

**Kemerosotan nilai aset kewangan dan kontrak jaminan kewangan (sambungan)**

- (iv) Pengumpulan instrumen untuk ECL diukur secara kolektif (sambungan)

## (b) Penilaian individu

Penghutang perdagangan dan aset kontrak yang dalam keadaan mungkir atau mengalami kredit terjejas dinilai secara individu.

Penghutang lain dan pinjaman kepada syarikat-syarikat anak dalam penyata kewangan berasingan Johor Corporation dinilai atas dasar individu untuk pengukuran ECL, kerana maklumat risiko kredit diperoleh dan dipantau berdasarkan setiap individu.

## (v) Hapuskira

## (a) Penghutang perdagangan dan aset kontrak

Penghutang perdagangan dan aset kontrak dihapuskan apabila tiada jangkaan pemulihan yang munasabah. Petunjuk bahawa tidak ada jangkaan pemulihan yang munasabah termasuk, antara lain, kegagalan penghutang untuk terlibat dalam pelan pembayaran balik dengan Kumpulan dan Johor Corporation, dan kegagalan membuat pembayaran kontrak untuk tempoh yang lebih besar dari 365 hari tempoh masa.

Kerugian rosotnilai pada penghutang perdagangan dan aset kontrak dinyatakan sebagai kerugian rosotnilai bersih dalam keuntungan operasi. Perolehan selanjutnya amanah yang sebelum ini dihapuskan dikreditkan terhadap item baris yang sama.

## (b) Penghutang lain

Kumpulan dan Johor Corporation menghapuskan aset kewangan secara keseluruhan atau sebahagiannya, apabila ia telah melakukan semua usaha pemulihan praktikal dan telah membuat kesimpulan tidak ada jangkaan pemulihan yang munasabah. Penilaian tidak ada jangkaan pemulihan yang munasabah adalah berdasarkan ketidakupayaan sumber pendapatan atau aset penghutang untuk menjana aliran tunai masa hadapan yang mencukupi untuk membayar balik amanah tersebut. Kumpulan dan Johor Corporation boleh menghapuskan aset kewangan yang masih tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan.

## (c) Pinjaman kepada syarikat-syarikat anak

Johor Corporation akan menghapuskan pinjaman kepada syarikat-syarikat anak, secara keseluruhan atau sebahagiannya, apabila ia telah menghabiskan semua usaha pemulihan praktikal dan telah membuat kesimpulan bahawa tidak ada harapan yang munasabah untuk pemulihan berdasarkan pada sumber pendapatan atau aset syarikat anak yang tidak dapat diperolehi untuk menghasilkan aliran tunai masa depan yang mencukupi untuk membaiki amanah tersebut. Johor Corporation boleh menghapuskan aset kewangan yang masih tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

**2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)****2.14 Instrumen kewangan (sambungan)****Liabiliti kewangan**

Liabiliti kewangan diiktiraf pada penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti kewangan terdiri daripada pemutang perdagangan dan lain-lain, pinjaman atau pembiayaan, amaun yang terhutang kepada syarikat-syarikat anak dan pihak berkaitan dan derivatif.

Liabiliti kewangan diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama, ditambah, dalam kes liabiliti kewangan selain daripada derivatif, kos urus niaga yang berkaitan secara langsung. Bagi amaun terhutang oleh syarikat-syarikat berkaitan Johor Corporation, mereka diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama. Sekiranya terdapat sebarang perbezaan di antara nilai tunai dan nilai saksama pada pengiktirafan awal, perbezaan tersebut akan diambilkira sebagai pelaburan tambahan dalam syarikat anak kerana ia mencerminkan kepentingan urus niaga.

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah kewangan yang efektif kecuali bagi derivatif dalam kedudukan kerugian yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Bagi liabiliti kewangan selain daripada derivatif, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti dinyahiktirafkan, dan melalui proses pelunasan.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama derivatif yang tidak layak untuk perakaunan lindung nilai diiktiraf dalam untung atau rugi bersih. Keuntungan atau kerugian bersih pada derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan dan Johor Corporation mempunyai hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan.

Kos pinjaman yang secara langsung dikaitkan dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak, yang merupakan aset yang semestinya mengambil masa yang panjang untuk bersiap sedia untuk kegunaan atau penjualan yang dimaksudkan, ditambah kepada kos aset tersebut, sehingga masa aset sedia untuk digunakan atau dijual.

Perbezaan pertukaran asing dipermodalkan setakat permodalan kos pinjaman berkaitan. Semua kos pinjaman lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Yuran yang dibayar atas penubuhan kemudahan pinjaman diiktiraf sebagai kos urus niaga pinjaman sehingga ada kemungkinan atau sebahagian daripada semua kemudahan tersebut akan ditarik balik. Dalam kes ini, bayaran ditangguhkan sehingga penarikan berlaku. Setakat tidak ada bukti bahawa ada kemungkinan atau sebahagian daripada semua kemudahan itu akan ditarik balik, yuran tersebut dipermodalkan sebagai pra-pembayaran bagi perkhidmatan kecairan dan dilunaskan sepanjang tempoh kemudahan yang berkaitan dengannya.

Liabiliti kewangan tidak diiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti dimansuhkan. Apabila liabiliti kewangan yang sedia ada digantikan oleh yang lain dari pemberi pinjaman yang sama dengan ketetapan yang sangat ketara, atau syarat-syarat liabiliti sedia ada diubahsuai dengan ketara, pertukaran atau pengubahsuai sedemikian dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru, dan perbezaan dalam jumlah bawaan masing-masing diiktiraf dalam untung atau rugi.

Apabila pinjaman yang diukur pada kos terlunas diubahsuai tanpa mengakibatkan penyahiktirafan, sebarang keuntungan atau kerugian, perbezaan di antara aliran tunai kontrak asal dan aliran tunai yang diubahsuai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal, akan diiktiraf dengan segera dalam untung atau rugi dalam kos kewangan.

**2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)****2.14 Instrumen kewangan (sambungan)****Liabiliti kewangan (sambungan)****Kontrak jaminan kewangan**

Kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan Kumpulan atau Johor Corporation untuk membuat bayaran tertentu untuk membayar balik pemegangnya atas kerugian yang ditanggungnya kerana penghutang yang dinyatakan gagal membuat pembayaran apabila tiba tempoh, selaras dengan syarat-syarat instrumen hutang.

Kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai liabiliti kewangan pada masa jaminan dikeluarkan dan liabiliti pada mulanya diukur pada nilai saksama.

Nilai saksama jaminan kewangan ditentukan berdasarkan nilai semasa perbezaan aliran tunai antara bayaran kontrak yang diperlukan di bawah instrumen hutang dan pembayaran yang diperlukan tanpa jaminan, atau anggaran jumlah yang akan dibayar kepada pihak ketiga untuk menunaikan kewajipan.

Kontrak jaminan kewangan seterusnya diukur pada tahap yang lebih tinggi daripada amaun yang ditentukan mengikut model kerugian kredit yang dijangkakan di bawah MFRS 9 dan amaun yang pada awalnya diiktirafkan tolak jumlah pendapatan kumulatif yang diiktiraf selaras dengan prinsip MFRS 15, yang mana sesuai.

**Penghutang perdagangan dan lain-lain**

Penghutang perdagangan adalah amaun yang terhutang daripada pelanggan untuk barang yang dijual atau perkhidmatan yang dilakukan dalam urusan biasa perniagaan. Penghutang lain biasanya timbul daripada urus niaga di luar urusan biasa perniagaan Kumpulan. Jika kutipan dijangkakan dalam satu tahun atau kurang (atau dalam kitaran kendalian perniagaan normal jika lebih lama), ia diklasifikasikan sebagai aset semasa. Jika tidak, ianya dinyatakan sebagai aset bukan semasa.

Penghutang perdagangan diiktiraf pada mulanya pada jumlah pertimbangan yang tidak bersyarat melainkan ia mengandungi komponen pembiayaan yang ketara, di mana ia diiktiraf pada nilai saksama. Penghutang lain diiktiraf pada mulanya pada nilai saksama.

Penghutang perdagangan dan lain-lain kemudiannya diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif, tolak eluan kerugian.

**2.15 Tunai dan kesetaraan tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank dan di tangan, deposit permintaan, dan pelaburan jangka pendek dan yang sangat mudah untuk ditukar kepada tunai yang diketahui jumlahnya yang tertakluk kepada risiko perubahan dalam nilai yang tidak ketara dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai dinyatakan selepas ditolak overdraf bank dan deposit yang dicagarkan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.16 Inventori

Inventori dinyatakan pada kos dan nilai realisasi bersih.

## (a) Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah

Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah terdiri daripada tanah di mana tiada aktiviti-aktiviti pembangunan dijalankan atau di mana aktiviti-aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi normal.

Kos yang berkaitan dengan pemerolehan tanah termasuk harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan levi yang berkaitan.

Tanah yang dipegang untuk pembangunan harta tanah diklasifikasikan sebagai aset semasa apabila pembinaan harta yang berkaitan bermula kecuali tempoh pembinaan projek pembangunan harta tanah yang berkaitan dijangka selesai melebihi kitaran operasi normal.

## (b) Projek pembangunan harta tanah (semasa)

Projek pembangunan harta tanah merangkumi semua kos yang secara langsung berkaitan dengan aktiviti pembangunan atau yang boleh diperuntukkan secara munasabah kepada aktiviti pembangunan yang termasuk pembangunan harta tanah dan pembangunan tanah perindustrian.

## (c) Lain-lain inventori (semasa)

Lain-lain inventori terdiri daripada kedai dan rumah, simpanan dan bahan mentah, pengeluaran pertanian dan barang siap.

Kos ditentukan dengan menggunakan kaedah kos purata wajarnan dan termasuk kos bahan langsung dan bahagian yang sesuai bagi perbelanjaan ladang, kos pembuatan dan kos overhead berdasarkan kapasiti operasi normal.

Nilai realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan perniagaan biasa, ditolak anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang perlu untuk melaksanakan penjualan.

## 2.17 Peruntukan-peruntukan

Peruntukan-peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Johor Corporation mempunyai obligasi semasa (perundungan atau konstruktif) disebabkan satu peristiwa lepas, ianya berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut dan jumlah obligasi tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan-peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dilaraskan untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Sekiranya tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut, peruntukan tersebut akan diterbalikkan. Sekiranya kesan nilai masa wang adalah material, peruntukan-peruntukan didiskaun menggunakan kadar pra-cukai semasa yang ditunjukkan, mengikut kesesuaian risiko-risiko khusus kepada liabiliti tersebut. Bila pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam peruntukan adalah disebabkan oleh peredaran masa yang berlalu adalah diiktiraf sebagai kos kewangan.

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.18 Geran-geran kerajaan

Geran-geran kerajaan yang diiktiraf pada nilai saksama dimana terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan semua syarat akan dipenuhi. Bagi geran yang berkaitan dengan aset, nilai saksama tersebut diiktiraf sebagai geran modal tertunda dalam penyata kedudukan kewangan dan dilunas di dalam penyata untung atau rugi disepanjang hayat berguna dijangka bagi aset yang relevan menerusi ansuran tahunan yang sama.

Geran kerajaan sebagai pampasan kepada Kumpulan untuk perbelanjaan adalah diiktiraf dalam untung rugi sebagai pendapatan lain secara sistematis dalam tempoh yang sama dimana perbelanjaan tersebut diiktiraf.

## 2.19 Penghutang

Penghutang diiktiraf apabila barang-barang dihantar atau perkhidmatan diberikan kerana inilah satu tempoh masa bahawa balasan tidak bersyarat kerana hanya tempoh masa yang diperlukan sebelum pembayaran perlu dibuat.

## 2.20 Kos-kos pinjaman

Kos-kos pinjaman dipermodal sebagai sebahagian daripada kos bagi suatu aset layak jika mereka berkaitan secara langsung kepada pemerolehan, pembinaan atau penyiapan aset tersebut. Permodalan kos-kos pinjaman bermula apabila aktiviti-aktiviti untuk menyediakan aset tersebut bagi kegunaan dirancang atau dijual adalah sedang dalam pelaksanaan dan perbelanjaan dan kos pinjaman yang telah ditanggung. Kos-kos pinjaman adalah dipermodal sehingga sebahagian besar aset-aset tersebut telah disiapkan bagi kegunaan yang dirancang atau dijual.

Semua kos-kos pinjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh ianya ditanggung. Kos-kos pinjaman terdiri daripada kos-kos faedah dan kos-kos lain yang Kumpulan dan Johor Corporation menanggung berhubung dengan pinjaman dana berkenaan.

## 2.21 Manfaat anggota pekerja

## (a) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja. Pampasan ketidakhadiran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja yang meningkatkan hak mereka kepada pampasan ketidakhadiran masa hadapan. Pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit akan diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

## (b) Pelan caruman wajib

Kumpulan dan Johor Corporation mengambil bahagian dalam skim-skim pencen kebangsaan sebagaimana yang ditakrif oleh undang-undang negara di mana ia beroperasi. Syarikat-syarikat di Malaysia dalam Kumpulan membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Malaysia, satu skim pencen caruman yang ditentukan. Caruman-caruman kepada skim-skim pencen caruman diiktiraf sebagai satu perbelanjaan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.22 Pajakan-pajakan

Kumpulan dan Johor Corporation telah menggunakan MFRS 16 menggunakan pendekatan restropektif yang diubah suai, di mana kesan kumulatif permohonan awal diiktiraf sebagai pelarasan kepada pendapatan tertahan pada 1 Januari 2019. Oleh itu, maklumat perbandingan yang dibentangkan untuk tahun 2018 tidak dinyatakan semula.

Polisi perakaunan yang digunakan bermula 1 Januari 2019

Kumpulan dan Johor Corporation menilai pada penubuhan kontrak sama ada kontrak itu, atau mengandungi, pajakan. Iaitu, jika kontrak menyampaikan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti untuk tempoh masa sebagai pertukaran untuk dipertimbangkan.

## (a) Sebagai pemajak

Kumpulan dan Johor Corporation mengaplikasikan satu pendekatan pengiktirafan dan pengukuran tunggal untuk semua pajakan, kecuali pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah. Kumpulan dan Johor Corporation mengiktiraf liabiliti pajakan untuk membuat pembayaran pajakan dan aset hak penggunaan yang mewakili hak untuk menggunakan aset pendasar.

## (i) Hak penggunaan aset

Kumpulan dan Johor Corporation mengiktiraf hak penggunaan aset pada tarikh permulaan pajakan. Hak penggunaan aset pada awalnya diukur pada kos, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai, dan diselaraskan untuk sebarang pengukuran semula liabiliti pajakan. Kos hak penggunaan aset termasuk jumlah liabiliti pajakan yang diiktiraf, kos langsung permulaan yang ditanggung, dan bayaran pajakan yang dibuat pada atau sebelum tarikh permulaan kurang apa-apa insentif pajakan yang diterima. Hak penggunaan aset disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus ke atas jangka pendek tempoh pajakan dan anggaran hayat berguna aset.

Susutnilai dikira atas dasar garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna aset seperti berikut:

Tanah pajakan	15 - 904 tahun
Bangunan	4 - 50 tahun
Loji dan jentera	3 - 25 tahun
Peralatan pejabat	5 - 15 tahun
Lekapan dan kelengkapan	2 - 20 tahun
Kenderaan bermotor	3 - 5 tahun

## (ii) Liabiliti pajakan

Pada tarikh permulaan pajakan, Kumpulan dan Johor Corporation mengiktiraf liabiliti pajakan diukur pada nilai kini pembayaran pajakan yang akan dibuat dalam tempoh pajakan. Bayaran jangka pajakan termasuk pembayaran tetap ditolak apa-apa insentif pajakan belum terima, pembayaran pajakan berubah yang bergantung kepada indeks atau kadar, dan jumlah yang dijangka dibayar di bawah jaminan nilai sisa. Bayaran pajakan juga termasuk harga pelaksanaan pilihan pembelian yang semunasabanya dilaksanakan oleh Kumpulan dan Johor Corporation dan pembayaran penalti untuk menamatkan pajakan, jika tempoh pajakan mencerminkan Kumpulan dan Johor Corporation yang melaksanakan pilihan untuk ditamatkan.

Dalam mengira nilai semasa pembayaran pajakan, Kumpulan dan Johor Corporation menggunakan kadar pinjaman tambahannya pada tarikh permulaan pajakan kerana kadar faedah yang tersirat dalam pajakan tidak mudah ditentukan.

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.22 Pajakan-pajakan (sambungan)

Polisi perakaunan yang digunakan bermula 1 Januari 2019 (sambungan)

## (a) Sebagai pemajak (sambungan)

## (ii) Liabiliti pajakan (sambungan)

Selepas tarikh permulaan, jumlah liabiliti pajakan ditingkatkan untuk mencerminkan pertambahan kepentingan dan dikurangkan untuk pembayaran pajakan yang dibuat. Tambahan pula, jumlah bawaan liabiliti pajakan diukur semula jika terdapat pengubahsuaian, perubahan dalam tempoh pajakan, perubahan dalam pembayaran pajakan atau perubahan dalam penilaian opsyen untuk membeli aset pendasar.

## (iii) Pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah

Kumpulan dan Johor Corporation telah memilih untuk tidak mengiktiraf hak penggunaan aset dan liabiliti pajakan bagi pajakan jangka pendek yang mempunyai tempoh sewa 12 bulan atau kurang dan pajakan aset bernilai rendah. Kumpulan dan Johor Corporation mengiktiraf pembayaran pajakan yang berkaitan dengan pajakan ini sebagai perbelanjaan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

## (b) Sebagai pemberi pajak

Untuk mengklasifikasikan setiap pajakan, Kumpulan dan Johor Corporation membuat penilaian keseluruhan sama ada pemindahan pajakan dengan ketara semua risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset pendasar. Jika ini berlaku, maka pajakan itu adalah pajakan kewangan, jika tidak, maka ia merupakan pajakan operasi. Kos langsung yang ditanggung dalam rundingan pajakan operasi ditambah kepada jumlah bawaan aset yang dipajak dan diiktiraf dalam tempoh pajakan pada asas yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan untuk pendapatan sewa dinyatakan dalam Nota 2.24(h)(ii).

Polisi perakaunan yang digunakan sehingga 31 Disember 2018

## (a) Sebagai pemajak

Pajakan-pajakan kewangan, yang dipindahkan kepada Kumpulan dan Johor Corporation secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, atau sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj kepada untung atau rugi. Sewa-sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana mereka ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusutnilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan memperolehi pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut.

Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut. Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

## (b) Sebagai pemberi pajak

Pajakan-pajakan di mana Kumpulan dan Johor Corporation secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada amaun dibawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

**2.23 Operasi yang dihentikan**

Suatu komponen Kumpulan diklasifikasi sebagai "operasi dihentikan" apabila kriteria untuk diklasifikasi sebagai dipegang untuk jualan telah dipenuhi:-

- a) aset itu mestilah tersedia untuk jualan segera dalam keadaan sekarang, dan
- b) penjualan adalah berkemungkinan tinggi dalam tempoh satu tahun

atau ianya telah dilupus dan satu komponen sedemikian mewakili satu cabang perniagaan utama atau tempat dari segi geografi bagi operasi atau sebahagian daripada suatu cabang perniagaan yang utama. Satu komponen dianggap sebagai dipegang untuk jualan jika aman dibawanya akan diperolehi semula terutamanya melalui urusniaga jualan dan bukan menerusi penggunaan yang berterusan.

Selepas diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan, aset-aset bukan semasa dan kumpulan-kumpulan untuk dilupuskan tidak lagi disusutnilai dan diukur pada yang mana lebih rendah antara aman bawa dan nilai saksama ditolak kos untuk menjual. Sebarang perbezaan diiktiraf dalam untung atau rugi.

**2.24 Pengiktirafan hasil**

Kontrak dengan pelanggan wujud apabila kontrak itu mempunyai bahan komersil, Kumpulan, Johor Corporation dan pelanggan mereka telah meluluskan kontrak dan berhasrat untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing, hak Kumpulan, Johor Corporation dan hak pelanggan berkenaan barang atau perkhidmatan yang akan dipindahkan dan terma pembayaran boleh dikenal pasti, dan kemungkinan bahawa Kumpulan dan Johor Corporation akan mengumpulkan pertimbangan yang berhak untuk menukar barang atau perkhidmatan itu.

Hasil daripada kontrak dengan pelanggan diukur pada harga urus niaga, iaitu jumlah pertimbangan yang dijangkakan oleh Kumpulan dan Johor Corporation berhak sebagai pertukaran untuk memindahkan barang atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan, tidak termasuk jumlah yang dikutip bagi pihak ketiga seperti jualan dan cukai perkhidmatan atau cukai barang dan perkhidmatan. Sekiranya jumlah pertimbangan berbeza-beza disebabkan oleh diskau, rebat, penalti atau lain-lain perkara yang serupa, Kumpulan dan Johor Corporation menganggarkan jumlah pertimbangan yang dijangkakan berhak mengikut kaedah nilai yang dijangkakan atau hasil yang paling mungkin tetapi anggaran yang dikekang sehingga jumlah yang kemungkinan besar tidak ada pembalikan signifikan pada masa akan datang. Harga urus niaga diperuntukkan kepada setiap obligasi prestasi atas dasar harga jualan mandiri relatif setiap barang atau perkhidmatan berbeza yang dijanjikan dalam kontrak. Bergantung kepada kandungan kontrak, pendapatan diiktiraf apabila kewajipan prestasi dipenuhi, yang mungkin berada pada satu tempoh masa atau dari masa ke masa.

Hasil Kumpulan dijana daripada segmen perniagaan berikut:

- (a) Minyak sawit
- (b) Perkhidmatan penjagaan kesihatan pakar (prisihatin)
- (c) Hartanah
- (d) Industri
- (e) Restoran khidmat cepat
- (f) Intrapreneur venture; dan
- (g) Lain-lain

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

**2.24 Pengiktirafan hasil (sambungan)**

Prestasi obligasi dari sektor perniagaan di atas adalah seperti berikut:

**(a) Minyak Sawit**

Dalam operasi perladangan, Kumpulan dan Johor Corporation menjual hasil pertanian seperti minyak sawit mentah ("CPO"), buah tandan segar ("BTS"), dan kernel sawit ("PK").

Hasil daripada jualan hasil pertanian dan barang dari operasi ini diiktiraf selepas diskau dan cukai pada ketika waktukawalan barang telah dipindahkan kepada pelanggan. Bergantung kepada terma kontrak dengan pelanggan, mengawal pemindahansama adasemasa penghantaran atau penghantaran barang ke lokasi tertentu yang dipersetujui dengan pelanggan, risiko usang dan kerugian telah dipindahkan kepada pelanggan, dan sama ada pelanggan telah menerima barang tersebut selaras dengan kontrak jualan, peruntukan penerimaan telah loput, atau Kumpulan dan Johor Corporation mempunyai bukti objektif bahawa semua kriteria untuk penerimaan telah dipenuhi.

Sesetengah kontrak merangkumi penghantaran berbilang atau gabungan, seperti penyerahan barang di kapal atau kapal tangki yang sering digabungkan dengan perkhidmatan pengangkutan. Dalam kebanyakan kes, penghantaran barang itu adalah mudah, tidak termasuk perkhidmatan bersepadi, boleh dilakukan oleh pihak lain dan pelanggan dapat memperoleh keuntungan dari penjualan barang dan perkhidmatan pengangkutan atas barang sendiri atau dengan penggunaan sumber lain. Oleh karena itu diambil kira sebagai kewajipan prestasi berasingan. Tiada unsur pembiayaan wujud kerana penjualan dibuat dengan syarat kredit sehingga 90 hari. Harga transaksi akan diperuntukkan kepada setiap obligasi prestasi berdasarkan harga jual mandiri. Jika ini tidak dapat dilihat secara langsung, ia dianggarkan berdasarkan kos yang dijangkakan ditambah margin. Sekiranya kontrak termasuk penghantaran barang, hasil bagi barang-barang diiktiraf pada satu apabila ketika barang diserahkan, 'legal title' telah berlalu dan pelanggan telah menerima barang tersebut.

**(b) Perkhidmatan penjagaan kesihatan pakar (prisihatin)**

- (a) Hasil daripada caj hospital dan kesihatan

Hasil daripada caj hospital dan kesihatan terdiri daripada caj bayaran hospital pesakit dalam dan pesakit luar, yuran perundingan, dan penjualan produk farmaseutikal, bekalan perubatan dan produk pembedahan. Hasil diiktiraf sebagaimana berikut:

- i. Hasil daripada caj hospital pesakit dalam dan pesakit luar

Hasil daripada pesakit dalam diiktiraf secara harian, mengikut perkhidmatan diberikan atau barang diberikan kepada pesakit. Perkhidmatan ini biasanya diberikan dalam tempoh masa yang singkat, termasuk perkhidmatan perundingan dan pelbagai perkhidmatan yang disediakan oleh hospital seperti penggunaan peralatan perubatan, ubat, prosedur kejururawatan, caj bilik dan lain-lain.

Kes-kes pesakit luar biasanya tidak melibatkan prosedur pembedahan dan hasil diiktiraf berdasarkan komponen individu apabila obligasi prestasi dipenuhi. Caj pendapatan pesakit luar termasuk caj perunding dikenalpasti sebagai obligasi prestasi yang berasingan disebabkan oleh perkhidmatan yang dapat dikenal pasti secara berasingan.

Hasil diiktiraf pada satu tempoh dalam masa perkhidmatan diberikan atau barang diantar. Hasil hanya akan diiktiraf setakat yang jika kemungkinan besar pembalikan yang ketara tidak akan berlaku, selepas diskau. Penghutang akan diiktiraf selepas pengeluaran bil bersih daripada deposit yang diterima.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.24 Pengiktirafan hasil (sambungan)

## (b) Perkhidmatan penjagaan kesihatan pakar (prisihatini) (sambungan)

## (a) Hasil daripada caj hospital dan kesihatan (sambungan)

Hasil daripada caj hospital dan kesihatan terdiri daripada caj bayaran hospital pesakit dalam dan pesakit luar, yuran perundingan, dan penjualan produk farmaseutikal, bekalan perubatan dan produk pembedahan. Hasil diiktiraf sebagaimana berikut (sambungan):

## ii. Pakej kesihatan

Hasil daripada pakej kesihatan akan diiktiraf bila dan apabila obligasi prestasi dipenuhi. Setiap perkhidmatan yang ditawarkan dalam pakej kesihatan telah dikenalpasti sebagai obligasi prestasi berasingan.

Pembayaran pendahuluan yang diterima diiktiraf sebagai liabiliti kontrak.

## (b) Yuran tuisyen

Hasil dari yuran tuisyen akan diiktiraf dalam semester setiap kursus yang ditawarkan kepada pelajar. Setiap bilangan semester dikenalpasti sebagai obligasi prestasi dan harga transaksi diperuntukkan mengikut setiap semester berdasarkan margin kos ditambah. Hasil tersebut akan diiktiraf dari masa ke masa sepanjang semester. Bayaran pendahuluan yang diterima pada permulaan semester akan diiktiraf sebagai liabiliti kontrak. Yuran pendaftaran yang tidak dikembalikan dan yuran kemasukan akan diiktiraf pada satu tempoh masa.

## (c) Hartanah

Hasil daripada pembangunan harta diiktiraf bila dan apabila kawalan asset dipindahkan kepada pelanggan dan kemungkinan Kumpulan dan Johor Corporation akan mengumpulkan pertimbangan yang berhak untuk menukar asset yang akan dipindahkan kepada pelanggan. Bergantung kepada syarat-syarat kontrak dan undang-undang yang digunakan untuk kontrak, kawalan asset boleh dipindahkan dari masa ke masa atau pada satu tempoh masa. Kawalan asset dipindahkan dari masa ke masa jika prestasi Kumpulan dan Johor Corporation tidak mencipta asset dengan penggunaan alternatif kepada Kumpulan dan Johor Corporation dan Kumpulan dan Johor Corporation mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan untuk pembayaran prestasi yang telah siap setakat ini.

Hartanah yang dijanjikan secara khusus dikenal pasti oleh plot, lot dan nombor parcel dan sifatnya (seperti saiz dan lokasi) dalam perjanjian jual beli dan pelan susun atur yang dilampirkan. Pembeli boleh menguatkuasakan haknya kepada harta yang dijanjikan sekiranya Kumpulan dan Johor Corporation berusaha menjual unit itu kepada pembeli lain. Sekatan kontrak ke atas keupayaan Kumpulan dan Johor Corporation untuk mengarahkan harta yang dijanjikan untuk kegunaan lain adalah substantif dan harta yang dijanjikan yang dijual kepada pembeli tidak mempunyai penggunaan alternatif kepada Kumpulan dan Johor Corporation. Kumpulan dan Johor Corporation mempunyai hak untuk membayar prestasi yang telah siap sehingga kini. Kumpulan dan Johor Corporation berhak untuk terus memindahkan unit pembangunan yang dijanjikan kepada pelanggan dan mempunyai hak untuk menyelesaikan pembinaan harta dan menguatkuasakan haknya untuk pembayaran penuh.

Hasil daripada pembangunan harta diukur pada harga transaksi tetap yang dipersetujui di bawah perjanjian jual beli.

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.24 Pengiktirafan hasil (sambungan)

## (c) Hartanah (sambungan)

Harga urus niaga diselaraskan untuk bayaran jangkaan ganti rugi yang ditentukan ("LAD") yang dijangkakan, berdasarkan kaedah nilai yang dijangkakan dan kesan nilai masa wang jika waktu pembayaran menyediakan pelanggan atau Kumpulan dan Johor Corporation dengan manfaat yang besar untuk membayai pemindahan barang atau perkhidmatan kepada pelanggan. Bagi kontrak dengan skim pembayaran tertunda, Kumpulan dan Johor Corporation menyesuaikan pertimbangan yang dijanjikan untuk kesan komponen pembiayaan penting menggunakan kadar diskain yang akan ditunjukkan dalam transaksi pembiayaan berasingan antara Kumpulan dan Johor Corporation dan pelanggannya pada permulaan kontrak. Komponen pembiayaan penting diiktiraf sebagai pendapatan kewangan dalam penyata pendapatan komprehensif sepanjang tempoh kredit menggunakan kadar faedah berkesan yang dikenakan pada tarikh permulaan.

Kontrak dengan pelanggan mungkin termasuk pelbagai janji kepada pelanggan dan oleh itu diambil kira sebagai obligasi prestasi berasingan. Dalam kes ini, harga transaksi akan diperuntukkan kepada setiap obligasi prestasi berdasarkan harga jualan yang mandiri. Apabila ini tidak dapat dilihat secara langsung, ia dianggarkan berdasarkan kepada margin kos tambah dijangka.

Sekiranya kawalan pemindahan asset dari masa ke masa, pendapatan diiktiraf sepanjang tempoh kontrak dengan merujuk kepada kemajuan ke arah kepuasan yang sepenuhnya terhadap obligasi prestasi tersebut. Jika tidak, hasil diiktiraf pada satu ketika apabila pelanggan memperoleh kawalan asset tersebut.

Kumpulan dan Johor Corporation mengiktiraf hasil dari masa ke masa dengan menggunakan kaedah input, berdasarkan kepada kepuasan untuk memenuhi obligasi pelaksanaan, dengan merujuk kepada kos kontrak yang ditanggung sehingga akhir tempoh pelaporan sebagai peratusan dari jumlah anggaran kos untuk setiap kontrak.

Kumpulan dan Johor Corporation mengiktiraf jualan pada satu tempoh bagi penjualan tanah dan penjualan harta yang lengkap, apabila kawalan harta telah dipindahkan kepada pembeli, ketika harta telah dilengkapkan dan diserahkan kepada pelanggan dan itu adalah berkemungkinan bahawa Kumpulan dan Johor Corporation akan mengumpulkan pertimbangan yang berhak untuk menukar asset yang dijual.

Apabila Kumpulan dan Johor Corporation tidak dapat menentukan kebarangkalian bahawa Kumpulan dan Johor Corporation akan mengumpulkan pertimbangan yang mana Kumpulan dan Johor Corporation berhak untuk menukar kepada harta, Kumpulan dan Johor Corporation akan menangguhkan pengiktirafan hasil daripada penjualan harta pembangunan. Pertimbangan yang diterima daripada pelanggan diiktiraf sebagai liabiliti deposit.

## (d) Industri

Pembinaan kerja tanah dan jalan raya

Kumpulan dan Johor Corporation mengiktiraf hasil dari masa ke masa dengan menggunakan kaedah output, yang berdasarkan tahap penyelesaian bahagian fizikal kerja kontraktor sehingga kini, diperakui oleh perunding profesional.

Jualan tanah dan harta tanah siap

Kumpulan dan Johor Corporation mengiktiraf jualan pada satu tempoh masa bagi jualan tanah dan harta tanah siap, apabila kawalan harta telah dipindahkan kepada pembeli, apabila harta telah disiapkan dan dihantar kepada pelanggan dan kemungkinan bahawa Kumpulan dan Johor Corporation akan mengumpulkan pertimbangan yang akan berhak untuk menukar asset yang dijual.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.24 Pengiktirafan hasil (sambungan)

## (e) Restoran Khidmat Cepat

Penjualan barang

Hasil daripada penjualan barang diiktiraf pada satu tempoh masa barang sampai apabila kawalan barang telah dipindahkan kepada pelanggan.

## (f) Intrapreneur venture

Dalam operasi intrapreneur venture, hasil dari jualan runcit pertanian, baja, jentera pengangkut, baja dan perkakasan komputer diiktiraf pada satu tempoh masa ketika kawalan barang telah dipindahkan kepada pelanggan. Bergantung kepada terma kontrak dengan pelanggan, pemindahan kawalan sama ada semasa penghantaran atau pengangkutan barang ke lokasi tertentu yang dipersetujui dengan pelanggan, risiko usang dan kerugian telah dipindahkan kepada pelanggan, dan sama ada pelanggan telah menerima barang selaras dengan kontrak jualan, peruntukan penerimaan telah luput, atau Kumpulan mempunyai bukti objektif bahawa semua kriteria untuk penerimaan telah dipenuhi.

Sesetengah kontrak termasuk pelbagai atau kesemua penghantaran, seperti penghantaran barang yang sering digabungkan dengan perkhidmatan pengangkutan. Dalam kebanyakan kes, penghantaran barang itu adalah mudah, tidak termasuk perkhidmatan bersepadu, boleh dilakukan oleh pihak lain dan pelanggan dapat memperoleh keuntungan dari penjualan barang dan khidmat penghantaran dengan sendirinya atau dengan menggunakan sumber lain. Oleh kerana itu, diambil kira sebagai kewajipan prestasi yang berasingan. Tidak ada unsur pembiayaan yang hadir kerana penjualan dibuat dengan syarat kredit sehingga 90 hari. Harga transaksi akan diperuntukkan kepada setiap obligasi prestasi berdasarkan harga jual beli. Jika ini tidak dapat dilihat secara langsung, ia dianggarkan berdasarkan kos yang dijangkakan ditambah margin. Sekiranya kontrak termasuk penghantaran barang, hasil bagi barang diiktiraf pada satu ketika apabila barang dihantar, "legal title" telah diluluskan dan pelanggan telah menerima barang tersebut.

## (g) Lain-lain yang merangkumi Perkhidmatan Hotel dan Perkhidmatan Pengurusan

## (i) Perkhidmatan hotel

Hasil daripada perkhidmatan hotel terdiri daripada penyewaan bilik hotel, operasi pusat konvensyen, jualan makanan dan minuman dan pendapatan berkaitan lain diiktiraf pada satu tempoh masa apabila pelanggan memperolehi kawalan ke atas barang, yang secara umumnya sewaktu penghantaran.

## (ii) Perkhidmatan pengurusan

Perkhidmatan pengurusan mewakili jumlah yang dikenakan kepada penduduk tetap di perkampungan persaraan di bawah perjanjian pengurusan jangka panjang. Yuran pengurusan tertunda diiktiraf pada satu tempoh masa atas prestasi perkhidmatan, yang dikira mengikut terma yang ditetapkan dalam kontrak pemastautin.

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.24 Pengiktirafan hasil (sambungan)

## (h) Hasil daripada sumber lain

Kriteria pengiktirafan hasil tertentu untuk hasil dan pendapatan lain yang diperoleh oleh Kumpulan dan Johor Corporation adalah seperti berikut:

## (i) Pendapatan dividen

Dividen diterima daripada aset kewangan yang diukur pada FVTPL dan FVOCI.

Pendapatan dividen daripada aset kewangan pada FVTPL diiktiraf sebagai sebahagian daripada keuntungan bersih atau kerugian bersih ke atas instrumen kewangan ini. Pendapatan dividen daripada aset kewangan pada FVOCI diiktiraf dalam untung atau rugi apabila hak untuk menerima pembayaran diiktiraf. Ini terpakai walaupun mereka dibayar daripada keuntungan pra-pengambilalihan.

Dividen yang jelas mewakili pemulihan sebahagian daripada kos pelaburan diiktiraf di OCI jika ia berkaitan dengan pelaburan dalam instrumen ekuiti diukur pada FVOCI.

## (ii) Pendapatan sewa dan pendapatan pajakan tanah

Pendapatan sewa dan pendapatan pajakan tanah diambil kira berdasarkan asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diberikan diiktiraf sebagai sebahagian daripada jumlah pendapatan sewa, sepanjang tempoh pajakan.

## (iii) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah efektif.

Pendapatan faedah dikira dengan menggunakan kadar faedah efektif kepada jumlah bawaan kasar bagi aset kewangan kecuali aset kewangan yang kemudiannya menjadi kredit dirosotnilai. Bagi aset kewangan kredit dirosotnilai, kadar faedah efektif digunakan untuk nilai dibawa bersih aset kewangan (selepas potongan elauan kerugian).

## (iv) Pendapatan sewaan kapal

Hasil daripada penyediaan perkhidmatan sewaan diiktiraf dalam tempoh perakaunan di mana perkhidmatan tersebut diberikan. Bagi kontrak harga tetap, hasil diiktiraf berdasarkan perkhidmatan sebenar yang disediakan semasa tempoh pelaporan sebagai sebahagian daripada jumlah perkhidmatan yang akan diberikan kerana pelanggan menerima dan menggunakan faedah tersebut secara serentak. Ini ditentukan berdasarkan jam buruh sebenar yang digunakan berbanding dengan jumlah jam buruh yang dijangkakan. Sekiranya kontrak itu termasuk yuran jam, hasil dalam jumlah yang Kumpulan mempunyai hak untuk invois.

Anggaran hasil, kos atau tahap kemajuan ke arah penyelesaian disemak semula sekiranya keadaan berubah. Apa-apa hasil daripada peningkatan atau pengurangan dalam anggaran hasil atau kos ditunjukkan dalam untung atau rugi dalam tempoh keadaan di mana semakan semula itu diketahui oleh pihak pengurusan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.25 Aset kontrak dan liabiliti kontrak

Aset kontrak diiktiraf apabila hak untuk dipertimbangkan oleh Kumpulan atau Johor Corporation adalah bersyarat pada sesuatu yang lain daripada peredaran masa. Aset kontrak adalah tertakluk kepada rosotnilai berdasarkan MFRS 9, Instrumen Kewangan (lihat Nota 2.14).

Liabiliti kontrak dinyatakan pada kos dan mewakili obligasi Kumpulan atau Johor Corporation untuk memindahkan barang atau perkhidmatan kepada pelanggan yang pertimbangan telah diterima (atau amaun yang perlu dibayar) daripada pelanggan.

## 2.26 Kos kontrak

Kumpulan dan Johor Corporation telah memilih manfaat sesuai untuk mengiktiraf kos kontrak yang ditanggung berkaitan dengan kontrak dengan tempoh kurang daripada satu tahun sebagai perbelanjaan apabila ditanggung.

## Kos tambahan untuk mendapatkan kontrak

Kumpulan atau Johor Corporation mengiktiraf kos tambahan untuk mendapatkan kontrak apabila Kumpulan atau Johor Corporation menjangka untuk memperolehi semula kos tersebut.

## Kos untuk memenuhi kontrak

Kumpulan atau Johor Corporation mengiktiraf kos kontrak yang berkaitan langsung dengan kontrak atau kontrak yang dijangkakan sebagai aset apabila kos menjana atau meningkatkan sumber Kumpulan atau Johor Corporation, akan digunakan untuk memenuhi tanggungjawab prestasi pada masa akan datang dan dijangka boleh diperolehi.

Kos kontrak pada awalnya diukur pada kos dan dilunaskan secara sistematis yang konsisten dengan corak pengiktirafan pendapatan yang berkaitan dengan aset tersebut. Kerugian rosotnilai diiktiraf dalam untung dan rugi apabila jumlah dibawa kos kontrak melebihi hasil jangkaan tolak kos yang dijangkakan yang akan ditanggung. Sekiranya keadaan rosotnilai tidak lagi wujud atau telah bertambah baik, kerugian rosotnilai diterbalikkan sehingga jumlah bawa kos kontrak tidak melebihi amaun yang akan diiktiraf jika tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini.

## 2.27 Cukai pendapatan

## (a) Cukai semasa

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah dijangka akan diperolehi semula daripada atau dibayar kepada pihak-pihak berkuasa percuaian. Kadar-kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlahnya adalah berdasarkan undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan.

Cukai-cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali ke satu tahap di mana cukai tersebut berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti.

## (b) Cukai tertunda

Cukai tertunda diperuntukan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan-perbezaan sementara pada tarikh laporan antara dasar-dasar cukai bagi aset dan liabiliti dan amaun dibawa mereka bagi tujuan laporan kewangan.

Liabiliti-liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali di mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal muhibah atau satu aset atau liabiliti dalam satu urus niaga yang bukan merupakan satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urus niaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi yang boleh dicukai.

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.27 Cukai pendapatan (sambungan)

## (b) Cukai tertunda (sambungan)

Aset-aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, bawa kehadapan bagi kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan, ke satu tahap di mana kemungkinan terdapatnya keuntungan boleh dicukai untuk digunakan oleh perbezaan-perbezaan sementara boleh ditolak, dan kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan dibawa kehadapan yang boleh digunakan kecuali di mana aset cukai tertunda berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak, timbul daripada pengiktirafan awal bagi satu aset atau liabiliti dalam satu urus niaga yang bukannya satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urus niaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi boleh dicukai.

Amaun dibawa bagi aset-aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan kepada satu tahap di mana tiada kemungkinan bahawa untung boleh dicukai yang mencukupi akan ada untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda untuk digunakan. Aset-aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh laporan dan diiktiraf ke satu tahap di mana terdapatnya kemungkinan bahawa untung boleh dicukai masa depan akan membolehkan aset-aset cukai tertunda digunakan.

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar percuaian yang dijangka akan dikenakan pada tahun apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kadar percuaian dan undang-undang percuaian yang telah menjadi undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan.

Cukai tertunda berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Item-item cukai tertunda diiktiraf dalam urus niaga yang berhubungkait sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada satu kombinasi perniagaan dilaras terhadap muhibah atas pengambilalihan.

Aset-aset cukai tertunda dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diimbangi, sekiranya hak yang boleh dikuatkuasakan wujud untuk mengimbangi aset-aset cukai semasa terhadap liabiliti-liabiliti cukai semasa dan cukai-cukai tertunda berkait dengan entiti boleh dicukai yang sama dan penguasa percuaian yang sama ke atas sama ada entiti yang boleh dikenakan cukai atau entiti kena cukai yang berbeza di mana terdapat hasrat untuk menyelesaikan baki secara asas bersih.

Faedah cukai yang timbul daripada eluan cukai pelaburan dan eluan pelaburan semula diiktiraf apabila kredit cukai digunakan.

## 2.28 Pelaporan segmen

Bagi tujuan pengurusan, Kumpulan disusun mengikut segmen-segmen operasi berdasarkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan mereka yang diurus secara bebas oleh pengurus-pengurus segmen masing-masing yang bertanggungjawab ke atas prestasi segmen masing-masing. Para pengurus segmen Kumpulan iaitu Jawantankuasa TERAJU Kumpulan yang mengkaji semula keputusan-keputusan segmen secara berkala bagi memperuntukkan sumber-sumber kepada segmen-segmen tersebut dan untuk menilai prestasi segmen tersebut. Penyataan tambahan atas setiap daripada segmen-segmen ini ditunjukkan dalam Nota 41, termasuk faktor-faktor yang digunakan untuk mengenal pasti segmen-segmen yang boleh dilapor dan dasar pengukuran bagi maklumat segmen.

## 2.29 Kontingensi

Aset dan liabiliti luar jangka adalah satu obligasi yang mungkin ada atau satu aset yang timbul daripada peristiwa-peristiwa lepas dan di mana kewujudannya akan dipastikan hanya dengan berlakunya atau tidak berlakunya peristiwa (peristiwa-peristiwa) masa depan yang tidak pasti yang tidak secara keseluruhannya dapat dikawal oleh Kumpulan. Aset dan liabiliti luar jangka tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan Kumpulan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 2.30 Derivatif dan aktiviti lindung nilai

Derivatif diiktiraf awalnya pada nilai saksama pada tarikh kontrak derivatif dimeterai dan seterusnya dinilai semula pada nilai saksama pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Perakaunan untuk perubahan nilai saksama seterusnya bergantung kepada sama ada derivatif tersebut ditentukan sebagai instrumen lindung nilai, jika ianya telah ditentukan, perkara tersebut telah dilindung nilai. Derivatif yang tidak layak untuk dilindung nilai akan dikategorikan sebagai dipegang untuk dagangan dan diambilkira menurut dasar perakaunan sebagaimana dinyatakan di Nota 2.14. Derivatif yang layak bagi perakaunan lindung nilai akan ditentukan sama ada:

- (a) Nilai saksama atas aset atau liabiliti atau komitmen atas lindung nilai (nilai saksama lindung nilai); atau
- (b) Lindung nilai yang dikaitkan kepada risiko tertentu berhubung dengan asset atau libiliti yang diiktiraf atau dikaitkan kepada transaksi ramalan yang berkemungkinan tinggi (aliran tunai lindung nilai).

Pada permulaan transaksi, Kumpulan mendokumenkan hubungan antara instrumen lindung nilai dan perkara yang dilindung nilai, termasuk objektif pengurusan risiko dan strategi untuk melaksanakan pelbagai transaksi lindung nilai. Kumpulan juga mendokumenkan penilaianannya, atas permulaan lindung nilai dan secara berterusan untuk mementukan sama ada derivatif tersebut digunakan dalam transaksi lindung nilai dan seterusnya sangat berkesan untuk imbalan perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai untuk perkara yang dilindung nilai.

Nilai saksama atas derivatif lindung nilai dikategorikan sebagai aset atau liabiliti bukan semasa apabila baki tempoh matang perkara yang dilindung nilai lebih daripada 12 bulan, dan dikategorikan sebagai aset atau libiliti semasa apabila baki tempoh matang perkara yang dilindung nilai kurang daripada 12 bulan. Derivatif yang diniagakan dikategorikan sebagai aset atau liabiliti semasa.

## 2.31 Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama adalah harga yang akan diterima untuk menjual aset atau dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam urus niaga yang teratur di kalangan peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran nilai saksama adalah berdasarkan kepada anggapan bahawa transaksi untuk menjual aset atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada:

- (i) Dalam keadaan pasaran utama bagi aset atau liabiliti; atau
- (ii) Dalam ketidaadaan keadaan pasaran utama, dalam keadaan pasaran yang paling menguntungkan bagi aset atau liabiliti.

Teknik penilaian yang bersesuaian dengan keadaan dan yang mana data yang mencukupi boleh didapati, digunakan untuk mengukur nilai saksama, memaksimumkan penggunaan input berkaitan yang boleh diperhatikan dan meminimumkan penggunaan input yang tidak boleh diperhatikan.

Semua aset dan liabiliti yang mana nilai saksama diukur atau dinyatakan di dalam penyata kewangan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama, yang dinyatakan seperti berikut, berdasarkan input tahap terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan:

- |         |   |
|---------|---|
| Tahap 1 | - Tersiar harga (tidak dilaras) harga pasaran dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa                                  |
| Tahap 2 | - Teknik penilaian yang mana input tahap terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara langsung yang boleh diperhatikan |
| Tahap 3 | - Input bagi aset atau liabiliti yang tidak berdasarkan data pasaran yang boleh diperhatikan (input tidak boleh diperhatikan)           |

Bagi aset dan liabiliti yang diiktiraf secara berulang di dalam penyata kewangan, Kumpulan menentukan sama ada pemindahan telah berlaku di antara tahap hierarki dengan menilai semula pengkategorian (berdasarkan input tahap terendah yang ketara terhadap pengukuran nilai saksama secara keseluruhan) pada akhir setiap tempoh pelaporan.

## 3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN YANG KETARA

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang boleh memberi kesan kepada jumlah hasil, perbelanjaan, aset dan liabiliti, dan pendedahan liabiliti luar jangka oleh pihak pengurusan pada tarikh laporan ini. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan mengenai andaian dan anggaran ini boleh menyebabkan pelarasian yang ketara perlu dibuat ke atas amaun dibawa aset atau liabiliti di masa akan datang.

## 3.1 Pertimbangan dalam menerima pakai dasar-dasar perakaunan

Dalam proses menggunakan pakai dasar perakaunan Kumpulan, pihak pengurusan telah membuat pertimbangan berikut yang mempunyai kesan paling ketara ke atas jumlah diiktiraf di dalam penyata kewangan:

## (a) Kawalan ke atas syarikat-syarikat berikut:

## (i) Pelaburan di dalam KPJ Healthcare Berhad ("KPJ")

Para Pengarah berpendapat bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas KPJ walaupun ia mempunyai kurang daripada 50% hak mengundi.

Kumpulan merupakan pemegang saham majoriti KPJ dengan 39% kepentingan ekuiti. Pemegang saham kedua, ketiga, keempat dan kelima terbesar ialah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"), Waqaf An-Nur Corporation Berhad, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Amanah Saham Bumiputra, yang masing-masing memiliki 11%, 7%, 5% dan 5% saham ekuiti dalam KPJ. Semua pemegang saham lain secara individu memiliki kurang daripada 5% daripada saham-saham ekuiti KPJ. Dari sudut sejarah, pemegang saham lain tidak membentuk kumpulan untuk menjalankan undi mereka secara kolektif.

Para Pengarah telah membuat penilaian bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas KPJ. Oleh itu, selaras dengan keperluan MFRS 10, KPJ merupakan syarikat anak kepada Johor Corporation.

## (ii) Pelaburan di dalam Al-'Aqar Healthcare REIT ("Al-'Aqar")

Pada 31 Disember 2019, Johor Corporation dan syarikat-syarikat anak secara kolektifnya memegang 37% kepentingan ekuiti dalam Al-'Aqar.

KPJ memajak hartanah daripada Al-'Aqar, yang merupakan syarikat yang dikawal oleh Damansara REIT Managers Sdn Bhd ("DREIT"), pengurus dana dan cabang pengurusan harta tanah pelaburan Kumpulan. Oleh itu, pengurus dana mempunyai kuasa membuat keputusan untuk mengarahkan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Al-'Aqar. Walau bagaimanapun, apa-apa keputusan yang memberi kesan kepada keseluruhan pendedahan Kumpulan kepada pulangan yang berubah-ubah akan dilakukan demi kepentingan Kumpulan.

Para Pengarah telah membuat penilaian bahawa Kumpulan mempunyai kawalan ke atas Al-'Aqar. Oleh itu, selaras dengan keperluan MFRS 10, Al-'Aqar merupakan syarikat anak kepada Johor Corporation.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

**3. PERTIMBANGAN DAN ANGgarAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)****3.1 Pertimbangan dalam menerima pakai dasar-dasar perakaunan (sambungan)****(b) Cukai tertunda pada harta tanah pelaburan**

Bagi tujuan untuk mengukur liabiliti cukai tertunda dan aset cukai tertunda yang timbul daripada harta tanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama, Kumpulan telah membuat kesimpulan bahawa portfolio harta tanah pelaburan mereka tidak dipegang di bawah model perniagaan yang objektifnya ialah untuk mengambil sebahagian besar daripada manfaat ekonomi yang termaktub di dalam harta tanah pelaburan dari masa ke masa manakala yang lain dipegang untuk dijual pada akhirnya. Implikasinya Kumpulan telah mengira cukai tertunda ke atas perubahan dalam nilai saksama harta tanah pelaburan menggunakan kadar cukai pendapatan korporat atau kadar cukai keuntungan harta tanah, mana yang sesuai.

**(c) Pengiktirafan hasil****Kaedah input untuk mengenal pasti hasil dari masa ke masa**

Kaedah input berdasarkan kepada kepuasan untuk memenuhi obligasi prestasi, dengan merujuk kepada kos kontrak yang ditanggung sehingga akhir tempoh pelaporan sebagai peratusan dari jumlah anggaran kos setiap kontrak. Kos yang dibelanjakan semasa tahun berkaitan dengan aktiviti-aktiviti masa depan kontrak tidak dikecualikan daripada kos kontrak dalam menentukan peringkat penyiapan.

**Kaedah output untuk mengenal pasti hasil dari masa ke masa**

Kaedah output berdasarkan tahap penyempurnaan perkadaran fizikal kerja kontrak setakat ini, yang diperakui oleh perunding profesional. Pertimbangan yang penting dan tahap anggaran yang tinggi diperlukan dalam menilai hasil kontrak.

**(d) Pelanjutan dan penamatan opsyen sebagai pemajak**

Dalam menentukan tempoh pajakan, pihak pengurusan mempertimbangkan semua fakta dan keadaan yang mewujudkan insentif ekonomi untuk melaksanakan pelanjutan atau pilihan penamatan. Opsyen tambahan hanya termasuk dalam tempoh pajakan jika pajakan tersebut semunasabunya perlu dilanjutkan. Selepas tarikh permulaan pajakan, penilaian dikaji semula jika peristiwa penting atau perubahan ketara dalam keadaan berlaku yang memberi kesan kepada penilaian yang berada dalam kawalan pemajak. Jumlah dibawa liabiliti pajakan dan pergerakan sepanjang tahun kewangan dinyatakan di bawah Nota 30.

**3. PERTIMBANGAN DAN ANGgarAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)****3.2 Punca utama ketidakpastian anggaran**

Andaian utama berhubung masa hadapan dan punca utama ketidakpastian anggaran pada tarikh laporan ini yang mempunyai risiko signifikan yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada amaun dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan akan datang adalah dibincangkan di bawah:

**(a) Rosot nilai muhibah**

Muhibah diuji bagi rosot nilai pada setiap tahun dan pada masa-masa lain apabila terdapat tanda-tanda sedemikian wujud. Ini memerlukan satu anggaran nilai boleh pulih Unit Penjanaan Tunai ("UPT") kepada muhibah yang diperuntukkan.

Menganggar amaun boleh pulih memerlukan pengurusan membuat anggaran aliran tunai masa hadapan daripada UPT dan juga memilih kadar diskaun yang sesuai untuk mengira nilai kini aliran tunai tersebut. Jumlah diperolehi daripada UPT ditentukan berdasarkan nilai saksama tertinggi tolak kos pelupusan atau nilai dalam pengiraan. Hasil daripada taksiran rosot nilai ini, Kumpulan telah mengiktiraf rosot nilai berjumlah RM8 juta pada tahun kewangan (2018: RM1 juta).

Butiran lanjut mengenai penggunaan anggaran dan andaian-andaian utama yang digunakan dalam penilaian rosot nilai bagi muhibah didedahkan dalam Nota 18.

**(b) Rosot nilai kos pelaburan**

Kerugian rosot nilai diiktiraf untuk jumlah yang mana jumlah bawa syarikat anak, syarikat usahasama atau syarikat bersekutu melebihi amaun yang boleh diperolehi semula. Amaun yang boleh diperoleh semula adalah lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos pelupusan dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka diperoleh daripada pelaburan termasuk hasil daripada pelupusannya. Sebarang kenaikan selanjutnya dalam jumlah yang boleh diperolehi semula diiktiraf dalam untung rugi dan pembalikan kerugian rosot nilai dihadkan oleh amaun bawaan yang akan ditentukan tanpa kerugian penurunan nilai yang dikenalpasti untuk aset dalam tahun-tahun terdahulu.

**(c) Rosot nilai harta, loji dan kelengkapan**

Kumpulan dan Johor Corporation telah menganggarkan jumlah sebahagian harta, loji dan kelengkapan yang boleh diperoleh semula. Amaun yang boleh diperoleh semula adalah lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos pelupusan dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka diperoleh daripada harta, loji dan kelengkapan termasuk hasil daripada pelupusannya. Oleh kerana jumlah yang boleh diperolehi lebih rendah daripada jumlah dibawa, caj rosot nilai telah direkodkan.

**(d) Nilai saksama harta tanah pelaburan dan harta, loji dan kelengkapan**

Nilai saksama harta tanah pelaburan dan sebahagian harta, loji dan kelengkapan Kumpulan adalah berdasarkan penilaian yang dibuat oleh penilai profesional bebas. Penilaian itu menggunakan pakai anggaran, pertimbangan dan andaian dalam penentuan nilai saksama. Penilaian yang membentuk asas bagi amaun dibawa dalam penyata kewangan didedahkan dalam Nota 13 dan 16.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2019

## 3. PERTIMBANGAN DAN ANGgarAN PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

## 3.2 Punca utama ketidakpastian anggaran (sambungan)

## (e) Cukai-cukai

**Aset cukai tertunda**

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara, kredit cukai atau kerugian cukai yang boleh digunakan. Ini melibatkan pertimbangan berhubung prestasi kewangan masa depan entiti tertentu yang mana aset cukai tertunda telah dikenali sebagaimana yang didekah dalam Nota 22.

